Selamat Hari Raya Aidilfitri
Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
2018/1439 H
Maaf Zahir & Batin

PERCUMA
buletin Mutiara
Cekap Akauntabel Telus
www.buletinmutiara.com
1 – 15 JUN 2018
http:www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/ChowKonYeow

# RM1,000 Bantuan Khas Kewangan untuk penjawat awam Pulau Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan anggota-anggota perkhidmatan awam bergambar kenangan pada Majlis Perhimpunan Anggota Penjawat Awam Bersama-sama YAB Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** - Bantuan Khas Kewangan (Bonus Khas Raya) keseluruhan sebanyak RM3.6 juta atau RM1,000 seorang akan disalurkan kepada semua penjawat awam Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang menjelang Aidilfitri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan perkara itu dalam Majlis Perhimpunan Anggota Penjawat Awam Bersama-sama YAB Ketua Menteri dekat dewan The TOP, Komtar di sini 5 Jun lalu.

"Semoga dengan bantuan khas ini dapat membantu semua penjawat awam, sempena perayaan Hari Raya Puasa tidak lama lagi," ujarnya sambil mendapat tepukan gemuruh para penjawat awam.

Sebelum itu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus ketika berucap mengingatkan bahawa semua Ketua Jabatan tidak kira peringkat Negeri mahupun Persekutuan supaya memberikan kerjasama di bawah pentadbiran Kon Yeow di Pulau Pinang, memandangkan Pakatan Harapan dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) pada 9 Mei lepas turut menguasai Kerajaan Persekutuan.

Ketika ditanya mengenai tarikh bayaran bonus berkaitan, Farizan menyatakan bahawa ia akan dibayar pada 13 Jun ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain turut menyertai majlis rasmi tersebut.

## SKIMAS, sesuatu yang bakal tingkat semangat juang atlet - Chong Wei

**GEORGE TOWN -** Datuk Wira Lee Chong Wei menerima RM26,400 insentif kewangan di bawah Skim Insentif Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS), manakala seorang lagi rakan senegeri Chan Peng Soon (RM5,400).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri dengan diiringi Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee, menyerahkan replika cek sumbangan SKIMAS tersebut kepada dua wira berkenaan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

"Penganugerahan insentif kejayaan berbentuk kewangan di bawah SKIMAS adalah kepada atlet-atlet yang telah berjaya merangkul pingat.

"Insentif ini diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2014 bertujuan untuk meningkat, menggalak serta memberi motivasi kepada atlet-atlet Pulau Pinang yang mewakili Malaysia dalam sukan-sukan bertemasya peringkat antarabangsa diiktiraf badan induk sukan negara," katanya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Lip Chee pula berharap pemberian insentif tersebut akan menggalakkan lebih ramai lagi atlet kelahiran negeri menyumbang serta memburu pingat untuk negara.

"Kerajaan Negeri sentiasa menitikberatkan kepentingan memupuk budaya bersukan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang.

"Ianya bermula dengan menggalakkan orang ramai, tak kira tua atau muda, untuk menjadikan sukan salah satu hobi atau aktiviti yang diamalkan secara konsisten.

"Dengan adanya sokongan dan budaya bersukan, maka akan lahir ramai lagi juara sukan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal.

Exco Kerajaan Negeri lain turut sertai majlis penghargaan serta sidang media itu.

Bercakap kepada pemberita, Chong Wei memuji inisiatif Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mewujudkan SKIMAS demi menggalakkan lebih ramai atlet negeri memburu kejuaraan serta mengharumkan nama baik negara.

"SKIMAS ini akan menggalakkan atlet-atlet lain dari Pulau Pinang supaya lebih bersemangat lagi, main lebih bagus lagi.

"Ini, sesuatu yang akan meningkatkan semangat atlet kita, untuk berjuang lebih baik, untuk negeri kita," jelasnya sambil mengharapkan lebih ramai bintang lahir dari Pulau Pinang selepas beliau bersara kelak.

Chong Wei dalam Sukan Komanwel Gold Coast 2018 di Australia baru-baru ini meraih satu pingat emas bagi acara badminton perseorangan lelaki dan satu pingat perak bagi acara badminton pasukan campuran.

Manakala Peng Soon, membawa pulang satu pingat gangsa bagi acara badminton beregu campuran dan satu pingat perak bagi acara badminton pasukan campuran.

Pada kejohanan antarabangsa yang berlangsung dari 4 hingga 15 April lepas tersebut, 10 daripada 117 atlet negara adalah dari Pulau Pinang.

Kontinjen Malaysia berjaya meraih tujuh pingat emas, perak (5) dan gangsa (12), dengan berada di kedudukan ke-11 daripada 71 kontinjen yang bertanding dalam kejohanan antarabangsa itu.

# TYT agih RM748,940 hasil pendapatan wakaf



TUN Dr. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) sambil diiringi Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Farizan Darus (kanan sekali) menyempurnakan gimik peluncuran logo Wakaf Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU LANCANG** - Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyerahkan RM748,940 hasil pendapatan wakaf kepada 21 masjid, lima surau, 24 institusi pendidikan dan tiga badan bukan kerajaan (NGO).

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, agihan kepada para penerima adalah berdasarkan amanah wakaf khas, wakaf am dan wakaf keluarga.

"Untuk tahun 2017, keseluruhan hasil wakaf adalah sebanyak RM818,940...pengagihan pada petang ini berjumlah RM742,940.

"(Baki) RM70,000 lagi akan diserahkan semasa peringkat kedua yang akan diatur nanti.

"Jumlah sumbangan kepada penerima manfaat adalah bergantung kepada hasil yang dijana.

"Sekiranya sesuatu wakaf itu menjana hasil yang tinggi, maka penerima manfaat juga akan menerima amaun yang tinggi," katanya pada Majlis Sambutan Hari Wakaf Pulau Pinang 2018 di Masjid Negeri sebelum menyertai acara jamuan berbuka puasa di sini 25 Mei lalu.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Penasihat Undang-Undang Negeri, Dato' Anas Ahmad Zakie; Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohamad Noor dan Pengurus Besar Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. (WPPSB), Abu Bakar Yang turut menyertai majlis itu.

12 Februari 2016, Abdul Malik memberitahu, MAINPP menubuhkan anak syarikat WPPSB, antara lain demi meningkatkan mutu pengurusan hartanah wakaf melalui pendapatan sewaan, pembangunan projek-projek baru dan kutipan dana wakaf sendiri.

"Kini, selain sumbangan wakaf boleh dibuat secara terus kepada MAINPP, kemudahan sumbangan melalui potongan gaji turut disediakan.

"Sumbangan melalui dalam talian turut boleh dilakukan melalui sesawang *www.mainpp.gov.my*.

"Penyumbang akan menerima kupon atau resit sumbangan wakaf yang melayakkan mereka untuk mendapat pengecualian cukai pendapatan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)," jelasnya.

Abdul Rahman sendiri menyempurnakan gimik peluncuran logo Wakaf Pulau Pinang sebagai simbol institusi umat Islam itu beroperasi sepenuhnya, selepas ini.

# Aidilfitri kukuhkan ummah, eratkan ukhuwah

Oleh : **MOHAMAD Kairi Ghazali Timbalan Ketua Eksekutif ZPP**



**MOHAMAD Kairi Ghazali (kanan) menyerahkan sagu hati kepada wakil pelajar tajaan ZPP ke Mesir.**

**ZAKAT** Pulau Pinang (ZPP) mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Minal Aa'idin Wal Faa'iziin kepada seluruh warga Malaysia beragama Islam yang akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

ZPP amat berbesar hati diatas sokongan, komitmen dan kepercayaan yang diberikan oleh pembayar-pembayar zakat di Pulau Pinang. Tanggungjawab dan keprihatinan tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa membayar zakat dengan kami membolehkan kami menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai amil kepada asnaf-asnaf yang memerlukan.

Segala wang zakat yang tuan-tuan dan puan-puan telah berikan, dapat meringankan beban asnaf-asnaf serta membolehkan mereka menyambut Hari Raya Aidilfitri bersama-sama.

ZPP mendoakan seluruh warga Malaysia sentiasa berada dalam lindungan Allah S.W.T. Semoga Aidilfitri ini dapat membuka lembaran baru buat kita semua.

Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.




Oleh: **ME**

# Sejarah PRU14 bakal memperlihatkan Pulau Pinang terus maju, Malaysia saksikan permulaan yang baik




**BARISAN kepimpinan MJMC tidak melepaskan peluang *berwefie* bersama-sama Chow Kon Yeow pada majlis tahlil dan berbuka puasa anjuran persatuan tersebut di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow percaya mandat berat memikul jawatan Ketua Menteri bakal 'dipermudahkan' hasil sokongan daripada rakyat Pulau Pinang.

"Mandat jawatan Ketua Menteri adalah amat berat.. namun saya rasa dengan keikhlasan, kejujuran, *humility,* visi serta sokongan rakyat jelata dan sokongan daripada pentadbir Kerajaan, saya percaya apa yang tidak boleh, kita bolehkan; apa yang berat, kita ringankan; apa yang susah boleh disenangkan.

"Jadi kita harap, sejarah yang dicipta pada PRU (Pilihan Raya Umum ke-14) baru-baru ini, bukan sahaja Pulau Pinang akan maju ke depan, bahkan Malaysia akan menyaksikan permulaan yang baik.

"Mungkin permulaan ini mengambil masa panjang sedikit untuk memperbetulkan perkara yang tidak betul selama ini kerana perubahan Kerajaan Pusat menjadi suatu cabaran penting kepada Kerajaan Pakatan Harapan yang diberi mandat oleh rakyat Malaysia baru-baru ini," ucapnya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Tahlil dan Berbuka Puasa Anjuran Muslim Jewelers & Money Changer (MJMC) di sini 30 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen dan Presiden MJMC, Anvar Hussain.




**TEH Lai Heng (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan MICC di sini baru-baru ini.**

# Terima kasih, saya akan sedaya-upaya tunaikan kewajipan - KM

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, peranan persatuan peniaga seperti *Malaysia Indian Chamber of Commerce and Industry Penang* (MICC) dalam menjaga kebajikan dan kepentingan peniaga adalah amat bermakna.

Katanya, persatuan peniaga berkaitan merupakan perantara kerajaan dan golongan peniaga.

"Dengan adanya persatuan, maklumat daripada kerajaan dapat disampaikan secara terus kepada golongan peniaga.

"Terima kasih kerana sentiasa menjaga kebajikan dan kepentingan peniaga," ujar beliau pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan MICC dekat Little India di sini 30 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng, Pengerusi MICC, Datuk N. Gobalakrishnan dan wakil-wakil persatuan sekitar Little India.

Pada majlis berkaitan, MICC mengagihkan 65 hamper berupa makanan keperluan harian kepada 65 keluarga kurang bernasib baik.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota berjanji akan berusaha sedaya-upaya menunaikan tanggungjawab dan mandat diberikan rakyat dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih baik.

"Terima kasih di atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan selama ini daripada saya menjadi ADUN hinggalah sebagai Ketua Menteri kini.

"Saya mengganggap mandat ini amat penting dan berat sebab perlu menjaga seluruh kepentingan rakyat dan negeri.

"Saya akan berusaha sedaya-upaya tunaikan kewajipan bukan sahaja sebagai ADUN, malah Ketua Menteri yang baharu," jelasnya.

# Perjawatan JKKK negeri kekal seperti biasa, respons KM

**BERTAM -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menjelaskan bahawa perjawatan semua anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) negeri sedia ada di Pulau Pinang dikekalkan seperti biasa sehingga tamat tempoh lantikan pada hujung tahun ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Y.A.B. Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini, yang mengumumkan pembubaran serta-merta beberapa agensi dan institusi persekutuan termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP).

"JKKKP dilantik oleh Kerajaan Persekutuan, tetapi, JKKK adalah dilantik oleh Kerajaan Negeri, maka pelantikan mereka tamat pada hujung tahun ini.

"Saya ingat perkara ini pernah dibincangkan dalam Mesyuarat Exco (Kerajaan Negeri), saya rasa semua kekal sehingga arahan seterusnya," jelasnya kepada pemberita di sini 25 Mei lalu.

Beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan, diiringi Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pinang Tunggal, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) di sini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; ADUN Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad dan ADUN Bertam, Khaliq Mehtab.

Hampir semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Peringkat Daerah sertai majlis taklimat khas yang dikendali Pegawai Daerah SPU, Marlia Mohd. Belia.

# Mandat besar di Balik Pulau, ADUN dan JKKK perlu beri khidmat terbaik

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BAYAN LEPAS** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) diseru agar memberikan khidmat terbaik setelah mendapat mandat besar bagi Parlimen Balik Pulau dan tiga kerusi Dewan Undangan Negerinya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) lalu.

Seruan tersebut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika mengadakan lawatan ke Pasar Sungai Ara di sini 3 Jun lalu.

Kon Yeow ketika diminta mengulas mengenai kemenangan besar tersebut berkata, buat julung kalinya semua kerusi di Parlimen Balik Pulau termasuk tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berjaya dibolosi Pakatan Harapan (PH).


CHOW Kon Yeow (berkemeja putih) merakam gambar kenangan bersama-sama beberapa peniaga serta pengunjung sempena lawatannya ke Pasar Sungai Ara di sini baru-baru ini.

"Kita (Pakatan Harapan, PH) telah mencapai kemenangan bagi kerusi DUN dan Parlimen yang sebelum ini sememangnya merupakan kubu kuat Barisan Nasional (BN) sekian lama dan tidak pernah dimenangi PH.

"Tapi, kali ini selari dengan semangat perubahan yang ditunjukkan rakyat, maka kita telah mencapai kemenangan kerana sokongan hebat daripada para pengundi di seluruh kawasan ini," ujarnya yang merupakan ADUN Padang Kota.

Pada lawatan tersebut, Kon Yeow meluangkan masa hampir sejam beramah-mesra dengan penduduk setempat sambil mengucapkan terima kasih di atas sokongan yang diberikan.

Kehadiran beliau turut mengundang rasa teruja penduduk setempat dan golongan peniaga yang rata-ratanya mengambil kesempatan merakamkan swafoto bersama-samanya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow dalam pada itu sekali lagi menyeru ADUN dan JKKK agar menggunakan mandat ini dengan sebaik-baiknya.

"Saya berharap, pihak Kerajaan Negeri, ADUN dan JKKK dapat memberikan khidmat kepada masyarakat setempat di sini dengan sebaik-baiknya," kata beliau.

# Permintaan air Pulau Pinang meningkat 11% - KM

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) sejak 2017 berjaya menyiapkan dua projek kejuruteraan bekalan air dan bakal menyempurnakan satu lagi projek (bekalan air) demi kepentingan rakyat negeri ini dengan nilai ketiga-tiganya berjumlah RM140.4 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, permintaan air di Pulau Pinang meningkat sebanyak 11 peratus iaitu daripada purata 744 juta liter sehari (MLD) pada 2008 menjadi 826 MLD, 2017.

"Permintaan air di Pulau Pinang tidak sama tahun demi tahun, ia akan terus berkembang sejajar dengan pertambahan penduduk yang kini mencecah 1.67 juta orang, dan juga peningkatan aktiviti sosioekonomi. Lebih ramai penduduk serta lebih banyak aktiviti perniagaan, maknanya lebih banyak bekalan air diperlukan untuk masa depan.

"(Dan) PBAPP sentiasa mendahului permintaan air di negeri ini dengan melaksanakan projek dan perkhidmatan kejuruteraan air baik dan berkesan dengan margin rizab rawatan air 34.8 peratus pada tahun 2017, iaitu yang tertinggi di Malaysia....tinggi margin rizab bermakna risiko kekurangan bekalan air rendah," ucapnya merasmikan Kolam Air Bukit Dumbar 4 (BDR4) baharu bernilai RM9.3 juta di Kompleks Kolam Air dan Stesen Pam Bukit Dumbar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Pengarah Bukan Eksekutif PBAPP; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang.

Menurut Kon Yeow, selain BDR4, Projek Fasa 1 Pusat Kawalan Bekalan Air di Loji Rawatan Air Sungai Dua dekat Seberang Perai yang dirasmikan pada 15 Mac lalu bernilai RM6.1 juta membolehkan pemantauan dan pelaksanaan operasi waktu sebenar bekalan air harian di negeri ini.

"Projek Saluran Paip Berkembar Dasar Laut Butterworth ke Pulau Pinang bernilai RM125 juta yang dijadualkan siap pada Disember 2020 akan membolehkan pengepaman lebih banyak air terawat pada masa akan datang.

"Bagi BDR4 ini, ia akan memberi manfaat kepada 315,000 penduduk dan beribu-ribu perniagaan yang berada di kawasan selatan Pulau Pinang dengan jaminan bekalan air dipertingkatkan serta pengagihan air lebih konsisten di semua kawasan bekalan walaupun ketika tempoh permintaan air tinggi," ujarnya yang juga Pengerusi Bukan Eksekutif PBAPP.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, BDR4 adalah kolam air keempat di kompleks ini.

"Kompleks ini merupakan pepasangan air penting dan kini ia terdiri daripada empat kolam air terawat serta dua stesen pam. BDR4 dibina untuk menyimpan maksimum 36 juta liter air terawat dengan peningkatan kapasiti simpanan air sebanyak 28.6 peratus, iaitu daripada 126 juta liter kepada 162 juta liter," katanya.


• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!
TANPA CAGARAN & PENJAMIN
PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG
RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN TANPA FAEDAH
MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN 8% FAEDAH SETAHUN
SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan
HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Exco harap naik taraf rumah pam, parit lencong kurang risiko banjir



ZAIRIL Khir Johari (tiga dari kiri) bersama-sama pemimpin lain meninjau tahap efisiensi rumah Pam Permatang Tinggi yang siap dinaik taraf di sini baru-baru ini.

**MACHANG BUBOK -** Hujan terlalu lebat selama beberapa jam sejak 11 malam pada 28 Mei lalu, dengan purata taburan sehingga 116 milimeter (mm), mengakibatkan kira-kira 30 lokasi dilanda banjir, paling teruk di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Zairil Khir Johari yang baru dilantik sebagai Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir turun meninjau keberkesanan projek pembinaan parit lencongan (*bypass channel*), penarafan rumah pam serta kerja-kerja pembaikan infrastruktur yang menelan belanja RM6,689,136.70, terhadap usaha mengurangkan risiko bencana banjir di sekitar kawasan Permatang Tinggi di sini.

Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga memberitahu, projek penarafan lima unit pam berkenaan mempertingkatkan keupayaan mengepam aliran Parit 4 semasa hujan lebat, melancarkan kadar aliran air dari Permatang Tinggi ke Sungai Junjong, sekaligus mengurangkan risiko banjir kilat di sini.

"Semalam (28 Mei 2018) hujan di seluruh Pulau Pinang, tapi yang paling teruk kena banjir adalah SPT.

"Saya berharap dengan rumah pam yang dinaik taraf serta parit lencongan ini, mampu memberi impak mengurangkan risiko banjir di sini," jelasnya pada sidang media di Rumah Pam Permatang Tinggi di sini baru-baru ini.

ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon dan ADUN Bagan Dalam, M.Satees turut sertai lawatan kerja tersebut.

Lawatan kerja Zairil dijadual ke Rumah Pam Taman Bagan serta meninjau beberapa lagi lokasi banjir sekitar Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Selepas itu, beliau melawat satu lagi rumah pam yang turut siap dinaik taraf dekat hospital swasta Pusat Pakar Bagan dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Kedua-dua pam mudah alih ini merupakan langkah jangka pendek kerana sudah mempunyai projek tebatan banjir sedia ada dengan kos RM40 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan negeri," jelasnya.

Tambah Zairil, penyiapan projek tebatan banjir akan mengambil masa 24 bulan, dan ia akan mempunyai kapasiti mengepam air berlebihan pada 9,000 liter sesaat.

## TPM80PP dan TP1M, Kerajaan Negeri pastikan tidak timbul pertindihan permohonan dana penyelenggaraan – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**




JAGDEEP Singh Deo (tujuh dari kanan) menyerahkan surat kelulusan dana penyelenggaraan kepada Mohd. Ramlan Mohd. Rowther (lima dari kiri) sambil disaksikan kepimpinan negeri dan wakil badan pengurusan bersama di sini baru-baru ini.

**SUNGAI PINANG –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan tidak timbul pertindihan permohonan bagi pembiayaan penyelenggaraan di bawah Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM80PP) dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M).

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, ia adalah bertujuan mengelakkan sebarang pembaziran dana penyelenggaraan untuk skim perumahan rakyat di negeri ini.

"Kini Pakatan Harapan sudahpun memegang tampuk pentadbiran Persekutuan dan ia memberi kemudahan untuk melihat serta memantau situasi ini.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) tidak mahu timbulnya permohonan bertindih bagi satu-satu skim perumahan, iaitu dana daripada TPM80PP dan TP1M.

"Sekiranya permohonan dihantar bagi dana TP1M, kita (Kerajaan Negeri) akan memastikan permohonan sama tidak diterima bagi dana TPM80PP," ujarnya ketika mengumumkan kelulusan dana RM29,400 bagi kerja-kerja penarafan sistem perpaipan di Skim Perumahan Halaman Damai di Lintang Kampung Rawa 1 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Pengerusi Badan Pengurusan Bersama Halaman Damai, Mohd. Ramlan Mohd. Rowther.

Pada masa sama, Jagdeep turut mencadangkan agar penjenamaan semula dapat dilaksanakan bagi Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) sebagai Program Perumahan Harapan dan TP1M sebagai Tabung Penyelenggaraan Harapan Malaysia.

"Sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu, sejumlah 139 projek telah diluluskan di bawah dana TPM80PP, dan sehingga Mei 2018, sebanyak 146 projek diluluskan dengan kos RM21.7 juta.

"Jumlah ini termasuk 136 permohonan bagi penarafan dan penggantian lif; permohonan penggantian dan penarafan tangki air (53) dan permohonan bagi penggantian bumbung dan pelbagai (11)," katanya yang turut mengadakan pertemuan dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin di Putrajaya pada 4 Jun lalu.

Difahamkan, antara topik perbincangan bersama-sama Menteri berkaitan termasuk kadar penolakan pinjaman perumahan yang tinggi bagi pembeli rumah mampu milik pertama dan penyewaan perumahan awam kos rendah kepada orang asing.

Ketua Menteri turun padang

# Seberang Perai berpotensi sebagai pusat pembangunan sosioekonomi – KM



SESI taklimat yang berlangsung bersempena lawatan Ketua Menteri ke Pejabat Daerah dan Tanah SPS di sini baru-baru ini.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**JAWI** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, Seberang Perai mempunyai potensi untuk menjana pembangunan sosioekonomi memandangkan masih banyak lokasi yang boleh dibangunkan.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini 31 Mei lalu.

"Berbanding dengan bahagian pulau yang sudah mencapai tahap kritikal dari segi tanah yang boleh digunakan untuk tujuan pembangunan.

"Semasa saya memegang jawatan sebagai Exco Kerajaan Tempatan, memang kerap kali saya nyatakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bahawa masa depan Negeri Pulau Pinang adalah di Seberang Perai," jelasnya yang kini memegang portfolio Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan.

Kon Yeow uga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota menjelaskan, Seberang Perai juga perlu dilihat sebagai kawasan yang memainkan peranan penting untuk pembangunan masa depan Pulau Pinang kerana pelbagai sektor ekonomi boleh dibangunkan di setiap daerah di kawasan berkenaan.

"Berdasarkan statistik guna tanah dibentangkan, ia menunjukkan bahawa SPS masih menjana sektor penting termasuk perikanan seperti ternakan ikan dalam sangkar yang kini telah mencapai prestasi baik dari segi jumlah hasil.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri dan Pejabat Daerah perlu melihat sama ada potensi ini sudah mencapai tahap berlebihan atau masih belum mencukupi," ujarnya.

Sebelum itu, Pegawai Daerah, Yazman Yahya memberi taklimat khas berkaitan soal pengurusan dan pentadbiran, hasil serta program pembangunan di peringkat SPS.

Turut bersama dalam taklimat itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus.

Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; ADUN Jawi, H'ng Mooi Lye; Zulkifli Ibrahim (ADUN Sungai Acheh) Dr. Amar Pritpal Abdullah (ADUN Sungai Bakap) antara wakil rakyat yang turut sertai majlis taklimat berkenaan.

Antara perkara lain yang dibangkitkan dalam taklimat itu adalah masalah bekalan air untuk golongan penternak ikan dalam sangkar, pembangunan Pulau Aman, isu Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dan aset-aset di bawah JKKK.

Isu banjir kilat di beberapa kawasan, kesesakan lalu lintas di pekan Nibong Tebal, masalah perumahan kos rendah, dan pelbagai lagi isu lain yang memerlukan penyelesaian holistik turut disuarakan oleh beberapa wakil rakyat.

## Pembangunan kerajaan mesti dan perlu dapat dirasai semua rakyat terutama di luar bandar, kampung

**PADANG LALANG** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pembangunan kerajaan mesti dan perlu dapat dirasai semua rakyat terutama di kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisional.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini 28 Mei lalu.

"Pembangunan ini boleh dinikmati, bukan 'dari atas ke bawah', tapi 'dari bawah ke atas', yang mana masyarakat luar bandar dan kampung juga adalah jentera yang menyumbang kepada ekonomi negeri

"Membawa pembangunan ke akar umbi rakyat diperlukan, kerana sekarang dari peringkat JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) sehinggalah ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) serta pejabat daerah mempunyai tanggungjawab yang lebih, kerana kita juga akan melaksanakan projek-projek Persekutuan di negeri ini," jelas beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan.

Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota sekali lagi menegaskan tumpuan pentadbirannya antara lain adalah menjadikan Seberang Perai sebagai masa depan pembangunan ekonomi Pulau Pinang.

Sebelum itu, Pegawai Daerah, Mohd. Ali Sebran memberi taklimat khas mengenai hal pentadbiran, hasil serta program pembangunan di peringkat SPT.

Beliau turut menjelaskan bahawa sejak 2013, seramai 351,105 penerima menikmati pelbagai sumbangan tunai daripada Kerajaan Negeri, di bawah Program Emas, keseluruhan agihan berjumlah RM30,382,470.

Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin yang juga ADUN Seberang Jaya; Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam merangkap ADUN Padang Lalang, Chong Eng dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar antara wakil rakyat yang sertai majlis taklimat itu.

## KM lawat Pejabat DTL, harap mutu perkhidmatan pelanggan penuhi ekspektasi rakyat

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap mutu khidmat pelanggan di semua jabatan negeri terus diperbaiki serta ditingkatkan lagi, selari dengan ekspektasi rakyat yang mahu melihat perubahan lebih besar dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini.

Atas maksud itu, katanya, lawatan kerja sulung ke Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (DTL) di tingkat 51, Komtar pada 18 Mei lalu mungkin akan dilanjutkan ke jabatan-jabatan negeri lain dalam tempoh terdekat, selain turun padang menyaksikan sendiri keadaan sebenar rakyat di kelima-lima daerah di negeri ini.

"Cabaran pada hari ini sangat besar dan ekspektasi rakyat juga sangat tinggi, sejajar dengan harapan rakyat jelata di Daerah (Timur Laut) ini," jelasnya di sini.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong, diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, diberi taklimat mengenai hal ehwal pentadbiran sekitar DTL oleh Pegawai Daerah Zulkifli Long sendiri.

ADUN Tanjong Bunga, Zairil Khir Johari yang juga Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir; ADUN Pulau Tikus, Lee Chun Kit; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Gooi Zi Sen; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid dan ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang turut sertai majlis taklimat khas berkaitan.

Rombongan Kon Yeow turut dibawa bertemu serta mendapatkan maklum balas langsung daripada para pegawai serta kakitangan sokongan di Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (DTL) di sini.

# Exco gesa projek RTB Lembangan Sungai Pinang disegerakan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) dan Jagdeep Singh Deo (kiri sekali) bersama-sama barisan kepimpinan dan penduduk setempat ketika melakukan tinjauan di jajaran Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari mahu Kerajaan Persekutuan menyegerakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang demi kesejahteraan 150,000 penduduk di kawasan sekitar.

Menurutnya, sejak mengambil alih pentadbiran negeri pada 2008, Kerajaan Negeri telah beberapa kali membuat permohonan kepada Kerajaan Persekutuan terdahulu agar projek berkenaan disempurnakan kerana Sungai Pinang merupakan salah satu punca utama berlakunya kejadian banjir kilat di bahagian pulau.

"Majlis Mesyuarat Exco pada 23 Mei lalu memutuskan supaya saya membuat satu permohonan melalui surat bertulis kepada Kerajaan Persekutuan baru agar memberi keutamaan kepada projek ini.

"Sebenarnya, projek ini sudah lama dirancang iaitu sejak 1990-an lagi, namun tergendala setelah Fasa 1 disiapkan pada tahun 1999 di bawah pentadbiran Barisan Nasional (BN), dan sejak itu tiada lagi perkembangan baru mengenainya," ujarnya pada sidang media di Masjid Acheh Kebun Lama di sini 1 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Mohd. Azmin Hussain dan penduduk setempat.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Bunga menjelaskan, selepas lawatan mantan Perdana Menteri ke Pulau Pinang pada akhir tahun lepas, projek berkenaan telah ditender dan dibentangkan kepada jawatankuasa perolehan tander di peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar pada 23 Februari lalu.

"Pada November tahun lepas, Kerajaan Persekutuan setuju memperuntukkan RM150 juta bagi projek ini yang merangkumi RM25 juta untuk kerja pendalaman sungai dan RM125 juta untuk kerja mitigasi banjir sepanjang 3.2 kilometer di Sungai Pinang serta cawangan-cawangannya.

"Tender telahpun dianugerahkan dan kontraktor juga sudah dipilih, tapi selepas itu tiada apa-apa perkembangan sehingga kini.

"Rakyat Pulau Pinang khususnya di DUN (Dewan Undangan Negeri) Datuk Keramat sudah menunggu sekian lama, maka kita berharap agar akan ada maklum balas positif daripada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan," katanya sambil menambah projek tersebut mampu mengurangkan banjir sebanyak 70 peratus setelah disiapkan kelak.

Sementara itu, Jagdeep pula menggesa agar satu *barrage* (bendungan) dibina di muara Sungai Pinang selain kerja-kerja pendalaman dan pelebaran sungai seperti mana yang dicadangkan sejak sekian lama.

"Ini kerana, kita melihat bahawa ada kalanya walaupun hanya berlaku hujan renyai tetapi apabila paras air laut tinggi menyebabkan air masuk ke pulau.

"Dengan adanya *barrage* ini, jika paras air laut diramal tinggi maka kita boleh tutup muara dan ini akan menghalang air pasang ini untuk masuk ke pulau," jelasnya.



# Bersama-sama kita pastikan Pulau Pinang terus kukuh sebagai salah satu pusat industri terpenting negara – KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **CHAN KOK KUAN**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap penduduk di kawasan Flat Jalan Kedah dekat sini khasnya dapat terus memberikan semangat dan sokongan kepadanya untuk terus berkhidmat kepada rakyat di negeri ini.

Beliau berkata demikian sejurus menzahirkan ucapan terima kasih kepada pengundi di kawasan berkaitan dalam Majlis Kesyukuran Sempena Bulan Ramadan Al-Kareem serta Penyampaian Bantuan Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa anjuran Persatuan Belia Jalan Kedah (PBJK) di sini 2 Jun lalu.

Dalam ucapannya, Kon Yeow berkata, perjalanan beliau sebagai seorang Ketua Menteri kini bukanlah mudah.

“Tetapi sebagai permulaan, saya amat berharap penduduk di kejiranan ini (Kawasan Dewan Undangan Negeri, KADUN Padang Kota) dapat terus memberikan kerjasama, dan pada masa sama (berharap) agar persatuan atau mana-mana pertubuhan (bukan kerajaan) di sini sentiasa membawa isu dan permasalahan rakyat...sama-sama menjaga kebajikan semua rakyat.



**CHOW Kon Yeow (berkemeja putih) menyampaikan sumbangan duit raya kepada tetamu-tetamu istimewa Majlis Kesyukuran Sempena Bulan Ramadan Al-Kareem serta Penyampaian Bantuan Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa anjuran PBJK di sini 2 Jun lalu.**

“Lagipun, sudah lama Padang Kota tidak ‘melahirkan’ seorang Ketua Menteri selepas mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu dahulu,” selorohnya yang juga Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Pengerusi PBJK, Daud Mustaqim.

Menurut Kon Yeow, Ketua Menteri terdahulu, Lim Guan Eng telah membina suatu landasan yang kukuh untuk negeri ini terus berkembang.

“(Dan) kita (rakyat Pulau Pinang) akan memastikan ia terus kukuh sebagai salah satu pusat industri yang terpenting di negara ini.

“Pada masa sama, akan menerokai sektor-sektor baharu seperti sektor perkhidmatan perniagaan global atau GBS, pelancongan dan lain-lain yang wajar demi kesejahteraan semua rakyat di negeri ini.

“(Hal) ini termasuklah menarik kemasukan teknologi tinggi, menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan sama ada kecil mahupun besar serta menaik taraf kemudahan asas dan pengangkutan supaya rakyat dapat menikmatinya,” ujarnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa sejajar dengan pelantikannya sebagai Ketua Menteri, Pusat Khidmat ADUN Padang Kota dan Parlimen Tanjong akan berpindah ke suatu tempat yang akan diumumkan kelak demi kemudahan rakyat untuk berurusan.

Difahamkan, seramai 200 asnaf dan miskin serta orang kurang upaya (OKU) terpilih menerima bantuan hamper berupakan barangan keperluan asas.

Program yang memasuki tahun ke-12 penganjurannya itu juga dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng.

## Ketua Menteri sampaikan sumbangan Aidilfitri kepada asnaf terpilih di Tanjong

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir menyampaikan sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada 125 asnaf dan miskin terpilih dalam kawasan Parlimen Tanjong dekat Jalan Transfer di sini.

Sumbangan berupa barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, minuman bancuhan, gula dan lain-lain itu disumbangkan oleh Persatuan Muslim Dato’ Koyah (PMDK) bersama-sama Maliia Bakery (M) Sdn. Bhd. dan Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Pengerusi PMDK, Noordin Kowther ketika ditemui berkata, sumbangan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri ini telah dilaksanakan sejak tahun 2013.

“Setiap tahun, ahli-ahli Persatuan seramai 65 orang akan ‘turun padang’ mencari serta membuat penilaian bagi mencari asnaf miskin serta mereka yang kurang bernasib baik di kawasan Tanjong untuk menerima bantuan atau sumbangan daripada kami,” katanya yang turut menzahirkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada Ketua Menteri kerana sudi meluangkan masa menyampaikan sumbangan berkaitan pada 2 Jun lalu.

Bagi Pengarah Maliia Bakery (M) Sdn. Bhd., M. Kumaresan, pihaknya akan meneruskan usaha murni membantu mereka yang kurang bernasib baik terutama ketika sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Selain sumbangan barangan asas, Kumaresan menyatakan, pihaknya turut menyumbangkan RM2,500 kepada Tabung Harapan Malaysia.

Difahamkan, asnaf miskin terpilih yang hadir pada majlis penyampaian berkaitan turut menerima sumbangan duit raya dan makanan untuk berbuka puasa.

Hadir sama, Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk A. Thaiveegan yang turut menyantuni penerima.



# Exco tertarik bekerjasama dengan FAMA, kaji wujudkan pasar tani kekal



DR. Afif Bahardin (bersongkok) bergambar kenangan bersama-sama kakitangan FAMA pada lawatan kerja serta mengikuti taklimat khas agensi berkaitan di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERAI -** Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin berharap Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dapat membantu pemasaran produk jenama Pulau Pinang iaitu *'Awesome Penang'* ke luar negeri.

Beliau juga berharap agensi Persekutuan itu dapat membantu mewujudkan pasar tani dan pasar tani kekal di negeri ini terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai tahap kepadatan penduduk tinggi serta 40 peratus isi rumah keluarga berpendapatan di bawah RM3,900 (B40).

"Pastinya Kerajaan Negeri begitu tertarik untuk bekerjasama lebih rapat dengan pihak FAMA.

"Memandangkan Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang masih belum ada pasar tani kekal, kita akan kaji," jelasnya selepas melaksanakan lawatan kerja serta mengikuti taklimat khas di Pejabat FAMA Negeri di sini 1 Jun lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadzil dan ADUN Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq turut menyertai acara taklimat khas yang disampaikan oleh Pengarah FAMA Pulau Pinang, Habibah Sulaiman.

Afif yang juga ADUN Seberang Jaya menyatakan bahawa pihaknya berhasrat untuk bekerjasama dengan FAMA serta beberapa agensi Persekutuan lain demi meningkatkan lagi produktiviti makanan di Pulau Pinang.

"Selain peringkat pemasaran ini, pada masa sama, kita (Pulau Pinang juga perlu meningkatkan juga jumlah pengeluar, ini pun fokus Kerajaan Negeri untuk kita (Kerajaan Negeri) mewujudkan jaminan bekalan makanan *(food security)*," katanya.

Tambah beliau, setakat ini, produk-produk jenama *'Awesome Penang'* rata-rata berasaskan organik, seperti beras perang, memang mendapat permintaan yang tinggi.




# Ketua Menteri terima kunjungan hormat Pengarah Kastam Negeri

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menerima kunjungan hormat Pengarah Kastam Negeri Pulau Pinang, Datuk Saidi Ismail di sini 30 Mei lalu.

Kunjungan hormat bertemu Ketua Menteri yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan itu juga adalah bagi menyampaikan undangan untuk menghadiri majlis berbuka puasa anjuran pihak berkaitan.

Pertemuan selama 20 minit itu antara lain membincangkan perkembangan kutipan cukai di negeri ini termasuk pemantapan sistem pencukaian yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Semasa kunjungan itu, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa momentum gerak kerja kini telah berubah dengan spektrum baharu pentadbiran di peringkat Persekutuan, dan berharap agar hubungan erat antara agensi berwajib dapat diteruskan.

Mengiringi Saidi ialah Ketua Bahagian Perkhidmatan Teknik, Mohammad Nawi Noor; Ketua Bahagian GST, Tan How Chai dan Ketua Cawangan Korporat, Afizar Amir.



**CHOW Kon Yeow berjabat tangan dengan Saidi Ismail (dua dari kiri) sempena kunjungan rasmi pasukan keselamatan berkenaan ke pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.**





HARGA JUALAN | RM488,000.00 (minima) RM700,000.00 (maksima)

5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA | HAKMILIK KEKAL

PELAN LOKASI




GPS Coordinates : **5.322725,100.470977**

## KIJANG RESIDENCE
**Alma, Bukit Mertajam**

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**
Jumlah Unit : 24
Keluasan Binaan : 20' x 43'
Keluasan Tanah : 1316 kps (min) 2600 kps (mak)

組汶建筑有限公司
ZUWEN BINA SDN BHD
(633085-W)

**ZUWEN BINA SDN BHD**
No. 86, 2nd Floor, Lorong Kota Permai 11
Taman Kota Permai, 14000 Bukit Mertajam
Tel: **04-5383388**

**Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi :-**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Paras 20, KOMTAR,10503 Pulau Pinang
Tel : **04 - 6505242 • 04 - 6505244** Fax : **04 - 2622904**

No Lesen Pemaju: 10787-5/01-2019/01172(L) Tempoh Sah: 19/01/2018 - 18/01/2019
No Permit Iklan dan Jualan: 10787-5/01-2019/01172(P) Tempoh Sah: 19/01/2018 - 18/01/2019
Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal
Bebanan Tanah: Bebas dari sebarang gadaian
Tarikh Dijangka Siap: Ogos 2018
Bilangan Unit: 24 unit Rumah Teras 2 Tingkat
Harga Jualan: RM 488,000.00 (min) - RM 700,000.00 (mak)
Sekatan Kepentingan: Tiada
Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan: MPSP
No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-44/117

# Kini masa untuk bekerja, bukannya 'berbulan madu' - YB Batu Uban

**PENGALAMAN** bekerja di lapangan sebagai mantan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) selama empat penggal berturut-turut menjadikan platform buat anak muda kelahiran Batu Gajah, Perak ini melonjakkan namanya dalam arena politik apabila dicalonkan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU 14) lalu.

Wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan Jurugambar, **J. PATMAVATHY** berkesempatan menemubual beliau, **A. KUMARESAN** meskipun jadualnya agak padat.



A. Kumaresan.

Bersifat peramah dan fasih berbahasa Melayu menjadikan beliau seorang yang mudah didekati semenjak dahulu.

Memulakan bicara, graduan Universiti Sains Malaysia (USM) tersebut percaya, sebagai ADUN, beliau kini dapat menyumbangkan lebih lagi kepada pembangunan masyarakat.

Memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian), Kumaresan menyatakan minatnya terhadap dunia politik timbul sejak menuntut di universiti lagi.

"Sikap keprihatinan dalam jiwa untuk membantu pelbagai lapisan masyarakat dan kecenderungan untuk menyumbang ke arah pembangunan negara Malaysia yang lebih demokrasi dan bebas rasuah berkobar-kobar ketika itu.

"Justeru, saya mengambil keputusan menyertai politik usai menamatkan pengajian dengan menjadikan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai idola ke arah mencapai gagasan tersebut.

"Karier saya bermula apabila menjadi Pembantu Politik kepada (YB) Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru)... saya banyak belajar mendekati masyarakat serta mengendalikan aduan rakyat setempat dan belajar selok-belok cabaran dalam dunia politik," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

## Sedia berkhidmat untuk penduduk

Kumaresan yang merupakan muka baru bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Uban percaya bahawa beliau mampu memberikan khidmat sebaiknya buat para pengundinya yang menjangkau 32,000 penduduk.

"Saya yakin mampu memberikan perkhidmatan terbaik buat mereka, kerana sebagai Ahli Majlis MBPP, sememangnya sejak empat penggal lalu saya sering turun padang mendepani tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Malah, ramai penduduk di sini turut mengenali saya termasuk pemimpin tempatan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

"Jadi, bila parti (PKR) memberikan kepercayaan kepada saya untuk menggalas tanggungjawab di sini, saya rasa tak ada masalah untuk mengekalkan kemenangan PKR di Batu Uban pada pilihan raya lalu," ujarnya yang telah berumahtangga dan mempunyai seorang cahaya mata berusia tiga tahun.

Ditanya mengenai perasaannya ketika meraih kemenangan dan kebangkitan rakyat yang begitu signifikan termasuk di Pulau Pinang, Kumaresan dalam responsnya memberitahu, ia adalah amanah yang harus dipikul dengan penuh tanggungjawab untuk tempoh lima tahun mendatang.

"Walaupun gembira dengan kemenangan besar yang diperoleh Pakatan Harapan (PH), tetapi bagi saya sendiri, ini adalah tanggungjawab besar yang harus dipikul dengan amanah dan integriti walaupun saya telah berada lama dalam arena politik.

"Skop kerja lebih menyeluruh kini walaupun pada dasarnya lebih kurang sama dengan peranan Ahli Majlis dahulu.

"Kelebihan sebagai ADUN adalah saya dapat membawa isu dan masalah terus kepada Exco-exco bertanggungjawab dan juga sidang DUN," jelasnya sambil menyatakan bahawa ia adalah kemenangan rakyat dan kini adalah masa untuk bekerja dan bukannya 'berbulan madu'.

## Perancangan jangka pendek

Ulas Kumaresan, sebagai perancangan jangka pendek, beliau mempunyai empat perancangan utama untuk Batu Uban iaitu tuisyen percuma, pembangunan bercampur, mesra belia dan kebajikan sosial.

"Dalam tempoh terdekat, saya merancang untuk mengadakan Pusat Tuisyen Rakyat Percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

"Saya akan cuba memfokuskan bantuan pendidikan sampingan kepada pelajar seperti pusat tuisyen percuma dan pusat aktiviti pelajar.

"Selain itu, seperti semua sedia maklum, kawasan Batu Uban ini terdiri daripada pelbagai pembangunan... terdapat universiti, kehijauan dan juga perniagaan. Justeru ia adalah sesuai untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk di sini dengan menjadikan ia sebagai bandar pintar.

"Bandar pintar ini akan merangkumi pencapaian taraf pendidikan tinggi, pembangunan terancang, teknologi moden dan inovatif serta kemudahan infrastruktur yang efisien," katanya lanjut.

## JANJI

Dalam pada itu, Kumaresan juga berjanji akan merealisasikan Batu Uban sebagai sebuah kawasan mesra belia dengan mempelbagaikan penganjuran dan aktiviti melibatkan golongan berkaitan.

"Antara yang boleh dilakukan ialah keutamaan infra asas baru yang lebih holistik untuk kesejahteraan belia beriadah dan melakukan aktiviti sukan... juga menganjurkan Karnival Kerjaya agar mereka dapat mencari peluang pekerjaan.

"Manakala, bagi kebajikan, 30 peratus dalam JKKK akan terdiri daripada golongan wanita dan memperbanyakkan lagi program latihan kemahiran dan keusahawanan," ujarnya.

## Memperjuangkan hak kewarganegaraan

Sebagai seorang yang aktif dalam politik sejak 10 tahun lalu, pencapaian memberangsangkan adalah apabila Kumaresan diberikan kepercayaan bagi menubuhkan satu *task force* bagi memperjuangkan masalah kewarganegaraan iaitu isu *stateless*.

Katanya, beliau telah banyak membantu mereka yang bermasalah untuk mendapatkan hak kewarganegaraan, sijil kelahiran dan status anak watan Malaysia.

Inisiatif dan keprihatinannya terserlah apabila hampir setiap minggu beliau akan naik turun di Jabatan Pendaftaran Negeri Pulau Pinang bagi membantu urusan permohonan warganegara dan berkaitan.

"Kegigihan saya memperjuangkan isu berkenaan lahir disebabkan ibu saya sendiri merupakan salah seorang bekas pemegang kad pengenalan merah suatu masa dahulu.

"Saya memahami keperitan dan kepayahan untuk berurusan dan mendapatkan peluang di negara ini apabila seseorang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan yang sah dan jelas.

"Setelah mak berjaya memperoleh kad pengenalan biru, saya rasa terpanggil untuk membantu golongan yang benar-benar memerlukan ini...ini bukan senang dan memerlukan banyak kesabaran.

"Walau bagaimanapun, satu harapan saya apabila PH berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan kini, saya berharap Tan Sri Muhyiddin Yassin dapat menyelesaikan masalah kewarganegaraan ini dan juga memudah cara kepada mereka yang benar-benar layak," jelas beliau.


PEMBERITAHUAN TEMUDUGA TERBUKA PASAR AWAM

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEMUDUGA TERBUKA PASAR AWAM

26 JUN 2018 (SELASA)
WAKTU TEMUDUGA: (09.00 PG - 11.00 PG)

TEMPAT TEMUDUGA TERBUKA:

BILIK MESYUARAT TINGKAT BAWAH
PEJABAT CAWANGAN MPSP
JALAN BETIK
14000 BUKIT MERTAJAM

SPU

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | JETI LAMA | IKAN | 3 | 105.00 |
| 2. | SRI BANDAR | GERAI BARANG RUNCIT | 2 | 104.00 |
| 3. | TASEK GELUGOR | IKAN | 5 | 84.00 |
| | | SAYUR | 6 | 72.80 |
| | | DAGING KHINZIR | 3 | 72.80 |
| | | AYAM PROSES HALAL | 2 | 84.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 8 | 40.00 |
| 4. | SUNGAI DUA | SAYUR | 1 | 72.80 |
| | | PERUBAHAN JENIS GERAI TIDAK HALAL | 2 | 72.80 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 32 | |

SPT

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | TAMAN SRI RAMBAI | PETAK MAKANAN (BUKAN BUMIPUTERA) | 1 | 60.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 2 | 60.00 |
| | | PETAK HARIAN KHAS PELBAGAI (KUTIPAN HARIAN - PETAK KONGSI) | 9 | 3.00 SEHARI |
| 2. | BERAPIT | IKAN | 15 | 105.00 |
| | | SAYUR | 4 | 90.00 |
| | | DAGING LEMBU | 3 | 90.00 |
| | | DAGING KAMBING | 2 | 90.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 3 | 90.00 |
| | | AYAM PROSES HALAL | 5 | 91.00 |
| | | AYAM PROSES TIDAK HALAL | 6 | 91.00 |
| | | G/T AM/RUNCIT | 2 | 168.00 |
| | | PETAK MAKANAN (BUMIPUTERA) | 2 | 84.00 |
| 3. | KOTA PERMAI | IKAN | 4 | 105.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 1 | 90.00 |
| 4. | BUKIT MERTAJAM | SAYUR | 17 | 130.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 2 | 130.00 |
| | | GERAI IKAN KECIL | 9 | 150.00 |
| | | IKAN KECIL (PASAR UTAMA) | 2 | 150.00 |
| | | MEJA BUAH | 3 | 130.00 |
| 5. | TAMAN SERI DELIMA, JURU | IKAN | 2 | 90.00 |
| | | SAYUR | 3 | 78.00 |
| | | DAGING LEMBU | 1 | 78.00 |
| 6. | TAMAN SELAMAT | IKAN | 1 | 120.00 |
| 7. | KAMPUNG BARU | IKAN | 4 | 150.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 8 | 60.00 |
| | | PERUBAHAN JENIS AYAM/SAYUR/DAGING/IKAN | 4 | 150.00 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 114 | |

SPS

| BIL. | PASAR | JENIS JUALAN | KOSONG | KADAR SEWA (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | TAMAN PEKAKA | IKAN | 3 | 78.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 1 | 78.00 |
| | | AYAM PROSES HALAL | 2 | 90.00 |
| | | AYAM PROSES TIDAK HALAL | 1 | 90.00 |
| 2. | TAMAN BERJAYA | IKAN | 2 | 120.00 |
| | | DAGING LEMBU | 4 | 120.00 |
| | | DAGING KAMBING | 1 | 120.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 10 | 100.00 |
| 3. | BUKIT PANCHOR | IKAN | 3 | 90.00 |
| | | SAYUR | 2 | 78.00 |
| 4. | SUNGAI BAKAP | SAYUR | 9 | 84.00 |
| | | DAGING LEMBU | 1 | 84.00 |
| | | DAGING KHINZIR | 7 | 84.00 |
| | | G/T AM/RUNCIT | 3 | 168.00 |
| 5. | BANDAR TASEK MUTIARA | DAGING KHINZIR | 2 | 104.00 |
| | | PETAK PELBAGAI | 1 | 48.00 |
| JUMLAH KEKOSONGAN | | | 52 | |

SILA BAWA BERSAMA ANDA SEMASA MENGHADIRI TEMUDUGA TERBUKA:

a) KAD PENGENALAN ASAL & DUA (2) SALINAN FOTOSTAT
b) DUA (2) KEPING GAMBAR BERUKURAN PASPORT
c) TAMBAHAN UNTUK KATEGORI OKU:
KAD OKU ASAL & DUA (2) SALINAN FOTOSTAT

(MOHD FAIDROL BIN MOHD RADZI)
Pengarah Pelesenan
b.p Setiausaha Perbandaran
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Tarikh : 04 JUN 2018

Syarat syarat:

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur 18 tahun keatas
3. Berpakaian kemas & sopan
4. Menepati masa
5. Suami/isteri ditawarkan satu gerai sahaja
6. Bukan kakitangan awam

UNTUK KETERANGAN LANJUT
SILA HUBUNGI BAHAGIAN
UNIT PENJAJA:

04-5497682 / 04-5497685
Laman web:
http://www.mpsp.gov.my

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain | (T) |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal | (T) |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy | (T) |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee | (T) |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung | (T) |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye | (T) |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee | (T) |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit | (T) |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen | (T) |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong | (T) |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang | (T) |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Arumugam | (T) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| | |

| - | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| - | - |
| - | - |
| - | - |
| - | - |
| - | - |
| - | - |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| **N1** | **Penaga** | : - | - |
| **N2** | **Bertam** | : - | - |
| **N3** | **Pinang Tunggal** | : - | - |
| **N4** | **Permatang Berangan** | : - | - |
| **N5** | **Sungai Dua** | : - | - |
| **N6** | **Telok Air Tawar** | : - | - |
| **N7** | **Sungai Puyu** | : - | - |
| **N8** | **Bagan Jermal** | : - | - |
| **N9** | **Bagan Dalam** | : - | - |
| **N10** | **Seberang Jaya** | : - | - |
| **N11** | **Permatang Pasir** | : - | -<br>- |
| **N12** | **Penanti** | : - | - |
| **N13** | **Berapit** | : - | -<br>- |
| **N14** | **Machang Bubok** | : - | -<br>- |
| **N15** | **Padang Lalang** | : - | -<br>- |
| **N16** | **Perai** | : - | - |
| **N17** | **Bukit Tengah** | : - | - |
| **N18** | **Bukit Tambun** | : - | -<br>- |
| **N19** | **Jawi** | : - | -<br>- |
| **N20** | **Sungai Bakap** | : - | -<br>- |
| **N21** | **Sungai Acheh** | : - | - |
| **N22** | **Tanjong Bungah** | : - | -<br>- |
| **N23** | **Air Putih** | : - | - |
| **N24** | **Kebun Bunga** | : - | - |
| **N25** | **Pulau Tikus** | : - | - |
| **N26** | **Padang Kota** | : - | - |
| **N27** | **Pengkalan Kota** | : - | - |
| **N28** | **KOMTAR** | : - | - |
| **N29** | **Datok Keramat** | : - | - |
| **N30** | **Sungai Pinang** | : - | - |
| **N31** | **Batu Lancang** | : - | - |
| **N32** | **Seri Delima** | : - | - |
| **N33** | **Air Itam** | : - | - |
| **N34** | **Paya Terubong** | : - | - |
| **N35** | **Batu Uban** | : - | - |
| **N36** | **Pantai Jerejak** | : - | - |
| **N37** | **Batu Maung** | : - | - |
| **N38** | **Bayan Lepas** | : - | - |
| **N39** | **Pulau Betong** | : - | - |
| **N40** | **Telok Bahang** | : - | - |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2018

| Nama | Telefon |
| --- | --- |
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Kumar a/l Kanapathy | 012 - 548 2465<br>019 - 658 2465 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 461 6390 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
| --- | --- | --- | --- | --- |
| 1. | Elemperu Valuthi | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556<br>018 - 467 0037 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | Nakulan A/L Muthumanikam | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 010 - 462 0073 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2018

| Nama | Telefon |
| --- | --- |
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |
| - | |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Jun 2018




15hb - 16hb Jun 2018
***Hari Raya Aidilfitri 1439H***


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB, NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI, SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN, AHMAD ADIL MUHAMAD, DARWINA MOHD. DAUD, ALVIE CHENG, NOOR SITI NABILAH NOORAZIS, CHAN KOK KUAN

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Bertuah dipilih sebagai ADUN Permatang Pasir, Faiz sedia galas tanggungjawab

**NAMA** Muhammad Faiz Fadzil sebenarnya bukanlah asing lagi di dalam dunia politik terutama di peringkat nasional.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah kemudian menyambung pengajian dalam Ijazah Undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Muhammad Faiz memulakan kerjaya sebagai peguam dan pernah mendapat didikan daripada pengamal undang-undang terkenal, Aris Rizal Fernando Abdullah (mantan peguam kepada Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim)

Anak kepada mantan Presiden Parti Islam Islam Se-Malaysia (Pas) terkenal, Allahyarham Datuk Fadzil Noor kemudian memilih untuk mengikut jejak langkah bapanya dengan menceburi politik dan pernah dilantik sebagai Exco Pemuda merangkap Ahli Jawatankuasa Perhubungan Pas Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, Muhamamd Faiz dan beberapa lagi daripada kumpulan profesional disingkirkan daripada memegang sebarang jawatan di dalam Pas pada Muktamar Ke-61 menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk keluar daripada parti itu dan menubuh parti baru yang dikenali sebagai Parti Amanah Negara (Amanah).

Menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pemuda Amanah Pusat, beliau sering kali lantang mengkritik isu-isu nasional seperti skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan menjadi penggerak utama beberapa himpunan di Kuala Lumpur.

Pada Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) 9 Mei lalu, Muhammad Faiz diberi kepercayaan untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir dan berjaya memenangi kerusi itu selepas menewaskan calon Pas dan Barisan Nasional (BN) dengan majoriti sebanyak 2,981 undi.

## Tumpu kepada masalah rakyat

Menurut Muhammad Faiz, sebagai calon muda, beliau amat bertuah apabila diberi kepercayaan untuk menjadi wakil rakyat oleh pengundi di DUN Permatang Pasir.

"Ini satu tugas yang berat memandangkan usia saya masih muda, tapi berdasarkan pengalaman sebagai anak mantan wakil rakyat suatu ketika dulu akan membantu saya untuk menyesuaikan diri dalam menjalankan tanggungjawab untuk pengundi di sini sebaik mungkin," ujarnya mesra.

Jelas beliau, sebagai wakil rakyat, beliau akan memberikan tumpuan khusus kepada beberapa masalah serius yang dihadapi penduduk Permatang Pasir antaranya isu perparitan.

"Sistem perparitan di kawasan ini sudah lama dan tidak lagi mampu menampung kebanjiran rumah-rumah baru yang semakin padat.

"Inilah masalah utama yang perlu diatasi kerana kawasan ini sering berlaku banjir kilat apabila hujan lebat terutama di kawasan yang terpencil," tegasnya.

## Pembangunan belia

Selain itu, Muhammad Faiz menyatakan bahawa turut perlu diberi perhatian di Permatang Pasir adalah isu kekurangan kemudahan



MUHAMMAD Faiz Fadzil.

infrastruktur sukan untuk golongan muda.

"Di sini hanya ada dua gelanggang futsal selain satu atau dua gelanggang sepak takraw yang tak terurus dengan baik, yang mana dua gelanggang takraw ini dibina sendiri oleh penduduk kampung.

"Kita juga tidak ada padang bola yang dibina khusus untuk golongan muda dan hanya ada satu padang bola sahaja iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Sama Gagah yang boleh digunakan untuk golongan belia bermain bola.

"Oleh itu, saya berharap agar Exco yang memegang portfolio Belia dan Sukan boleh melihat kepada keperluan infrastruktur sukan ini untuk membantu belia di sini untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan," katanya sambil menambah masalah jalan raya yang sempit juga perlu diperhalusi demi keselesaan penduduk di Permatang Pasir.

Tambah beliau, memandangkan kawasan berkenaan sebelum ini merupakan kubu kuat Pas menjadikan kebanyakan penduduknya gemar melakukan aktiviti keagamaan seperti kuliah agama, tazkirah, bacaan al-Quran dan sebagainya.

"Amalan-amalan yang baik ini akan terus diimarahkan selain ditambah baik dari sudut undangan penceramah.

"Saya berharap melalui aktiviti-aktiviti ini akan dapat membina hubungan akrab antara saya dan pengundi di sini.

"Memandangkan PRU sudahpun berlalu, maka fokus kita sekarang adalah untuk untuk membantu Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan sama ada dari segi insani mahupun fizikal," ujar Muhammad Faiz.


TAMAN RESIDENSI PANCHOR
FASA 2 @ NIBONG TEBAL



RUMAH BANGLO 2-TINGKAT (JENIS B)
Luas Tanah • 4000 kps
Luas Binaan • 2237 kps
Harga Minima • RM788,000.00
Harga Maksima • RM888,000.00



RUMAH BERKEMBAR 2-TINGKAT
Luas Tanah • 2885 kps
Luas Binaan • 2017 kps
Harga Minima • RM650,000.00
Harga Maksima • RM950,000.00



RUMAH BANGLO 2-TINGKAT (JENIS A)
Luas Tanah • 5210 kps
Luas Binaan • 2706 kps
Harga Minima • RM988,000.00
Harga Maksima • RM1,050.000.00

1 BLOK RUMAH PANGSA KOS SEDERHANA RENDAH 8-TINGKAT
Luas Binaan: 700 kps
Harga: RM72,500
Jumlah Unit: 85 unit






Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat
Sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri,
Paras 20, KOMTAR
10503 Pulau Pinang
Tel: 04-6505 242/6505 244
Fax: 04-2622 904

PANCHOR RESIDENCE SDN BHD (983171-W)
29, Jalan Maju, Pusat Perniagaan Maju Jaya, 14000 BM
Tel: 04-5388 919 / 5399 919 Fax: 04-5388 929

• Nama pemaju perumahan: Taman Residensi Panchor (Fasa2) • Jenis projek: Banglo 2-tingkat, Berkembar 2-timgkat, Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah 8-tingkat • No lesen pemaju: 13820-1/01-2019/01030(L) • Tempoh sah: 03/01/2018 - 02/01/2019 • No. permit iklan & jualan: 13820-1/01-2019/01030(P) • Tempoh sah: 03/01/2018 - 02/01/2019 • Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP • No. pelan susunatur: (25A) dlm.MPSP/70/39-67/25 B.2 & (26A) dlm.MPSP/70/39-67/25 B.3 • No. pelan bangunan: MPSP/40/20-67/41 & MPSP/40/20-67/50 • Tarikh dijangka siap: DIS 2018 • Hakmilik tanah: Pegangan Bebas • Bebanan tanah: TIADA • Jumlah unit: Banglo -14 unit / Berkembar - 84 unit / Rumah Pangsa - 85 unit • Baki unit yang belum dijual: Banglo -7 unit / Berkembar - 60 unit / Rumah Pangsa - 85 unit • Harga minima: Banglo (Jenis A) - RM988,000.00 / Banglo (Jenis B) - RM788,000.00 / Berkembar - RM650,000.00 / Rumah Pangsa - RM72,500 • Harga maksima: Banglo (Jenis A) - RM1,050.000.00 / Banglo (Jenis B) - RM888,000.00 / Berkembar - RM950,000.00 / Rumah Pangsa - RM72,500

# Perlu kerja lebih kuat bagi wujudkan konsep Bertam Madani - Khaliq Mehtab

**SEORANG** lagi muka baru yang berjaya membarisi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada Pilihanraya Umum Ke-14 (PRU14) 9 Mei lalu ialah Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq.

Bertanding bawah tiket Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di kerusi kerusi N2 Bertam, beliau berjaya mengalahkan penyandang terdahulu, Shariful Azhar Othman daripada Barisan Nasional (BN) dengan jumlah undi sebanyak 6,485.

## Latar pendidikan dan sejarah politik

Dilahirkan pada 25 Jun 1976 di Alor Setar Kedah, Khaliq Mehtab mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Iskandar dan meneruskan pendidikan menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

Beliau menyambung pengajian dalam bidang undang-undang di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian (LL.B Hons) pada tahun 2000.

Memulakan kerjayanya dalam bidang undang-undang dengan menjalani latihan dalam kamar *(chambering)* di Tetuan Azmi & Associates seterusnya berkhidmat di syarikat sama sehingga kini.

Sebagai peguam yang juga rakan kongsi, Khaliq Mehtab banyak mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah dan narkotik.

Beliau menyertai PPBM sebagai ahli seumur hidup sejak 2016 dan dipilih sebagai Bendahari Bahagian Kepala Batas pada 2017 kemudian menjadi Ketua Cawangan Bertam Indah pada 2018.

## Memacu perubahan

Khaliq Mehtab berpendapat, sebagai 'orang baru' di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bertam, beliau mahu melihat perubahan khususnya dari segi pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan dalam kalangan masyarakat.

"Saya melihat masyarakat di sini agak keterbelakang disebabkan dulunya Bertam diwakili oleh ADUN pembangkang.

"Agak ramai masyarakat yang tidak mendapat bantuan daripada pelaksanaan program-program Kerajaan Negeri seperti bantuan warga emas, ibu emas dan lain-lain.

"Jadi, fokus saya yang pertama adalah untuk memastikan setiap warga Bertam mendapat manfaat daripada program-progran Kerajaan Negeri," katanya kepada wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** bersama-sama jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD**.

Dari segi pendidikan pula katanya, beliau menjalinkan kerjasama dengan Penggerak Komuniti Muda (PEKA) untuk menjalankan kelas tuisyen secara percuma bagi pelajar-pelajar yang memerlukan.

Selain itu, tambah Khaliq Mehtab, sebagai wakil rakyat yang mendokong hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri berkebajikan maka, program bantuan makanan harian dengan kerjasama *Mutiara Food Bank* akan dilaksanakan mulai Julai ini.

"Warga Bertam yang memerlukan bantuan akan dibantu melalui program-program ini," ujarnya.

## Permasalahan penduduk

Jelas Khaliq Mehtab, selepas mengadakan lawatan ke semua kawasan di DUN Bertam, beliau mendapati bahawa sistem perparitan di kawasan berkenaan adalah agak mengecewakan.

Menurutnya, tiada perancangan dibuat dalam membina sistem saliran di kampung-kampung tradisi menyebabkan banjir kilat kerap berlaku.

"Sistem perparitan terdahulu hanya mengikut kehendak pihak tertentu tanpa perancangan rapi.

"Wakil saya telah mengutarakan masalah ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah pada 4 Jun lalu dan pihak pejabat daerah mengambil maklum akan perkara ini," tegasnya sambil menambah terdapat juga beberapa masalah lain seperti sekolah beroperasi tanpa Sijil Layak Menduduki.



KHALIQ Mehtab Mohd. Ishaq.

Justeru, beliau menyatakan bahawa segala usaha akan digemblengkan bagi melunaskan cita-cita untuk mewujudkan konsep Bertam Madani sebagaimana dicita-citakan beliau.

"Saya dan pasukan akan bekerja lebih kuat bersama-sama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) di kawasan ini untuk memastikan segala perancangan dapat dilaksanakan dengan lancar," jelas Khaliq Mehtab.

# Saya suka berkhidmat untuk rakyat – Dr. Amar Pritpal

**KESIBUKAN** menguruskan lima buah klinik sendiri meliputi beberapa kawasan di Seberang Perai ternyata tidak menghalang Dr. Amar Pritpal Abdullah daripada menjadi wakil rakyat yang sememangnya sarat dengan tanggungjawab.

Dilahirkan dalam keluarga yang agak berada, namun kata Dr. Amar Pritpal, soal kewangan bukan isu pada diri beliau kerana apa yang paling penting adalah keinginannya yang kuat untuk berkhidmat kepada rakyat.

## Pendidikan dan latar belakang politik

Anak jati Sungai Bakap tersebut memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Kebangsaan Methodist Nibong Tebal dan kemudian ke Sekolah Menengah Simpang Ampat sebelum melanjutkan pelajarannya ke India dalam jurusan perubatan.

"Selepas kembali bekerja ke tanah air, saya bekerja selama satu tahun di Hospital Taiping sebagai pegawai siswazah dan seterusnya menjadi pegawai perubatan di Hospital Bukit Mertajam selama tiga tahun.

"Selepas itu, saya membuka klinik 24 jam diberi nama Klinik Wawasan bersama-sama rakan kongsi, dan kini telah berkembang kepada beberapa cawangan di Seberang Perai seperti di Nibong Tebal, Sungai Bakap, Simpang Ampat, Seberang Jaya dan terkini di Kulim," katanya ketika ditemui wakil Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **SU CHIN**.

Menurut Dr. Amar Pritpal, beliau sudah melibatkan diri dalam dunia politik sejak 30 tahun lalu tetapi hanya mula aktif sebelum Pilihanraya Umum ke-13 (PRU-13) dengan menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR).

"Kini saya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Cabang Nibong Tebal dan pernah menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) selama dua tahun setengah.

"Pada PRU-14 lalu, saya dilantik sebagai calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Bakap dan menang dengan majoriti sebanyak 2,348 undi," jelasnya yang merupakan seorang peminat sukan bola sepak.

Bercerita lanjut mengenai minatnya dalam sukan bola sepak, Dr. Amar Pritpal memberitahu bahawa beliau juga terlibat secara langsung dalam pengurusan Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang sebagai pengurus pasukan sejak tahun 2012.

"Sehingga sekarang saya masih ahli majlis pasukan dan berkhidmat sebagai doktor untuk pasukan Pulau Pinang.

"Saya juga merupakan Presiden Persatuan Bola Sepak Nibong Tebal hampir 10 tahun," ulasnya lanjut.

## Permasalahan rakyat

Menyentuh mengenai soal permasalahan di kawasan yang diwakilinya kini, Dr. Amar Pritpal menyatakan bahawa isu utama dihadapi penduduk Sungai Bakap



DR. Amar Pritpal Abdullah.

adalah kejadian banjir kilat yang kerap berlaku setiap kali cuaca hujan.

Tambahnya, keadaan itu berlaku mungkin disebabkan kegagalan agensi berkaitan melaksanakan penyelenggaraan sistem perparitan mengikut prosedur operasi standard (SOP).

"Sebelum dan selepas zaman merdeka kita ada pintu masuk air laut untuk menghalang air laut daripada masuk ke kawasan penempatan, tapi kegagalan pihak berwajib menjaga pintu air ini menyebabkan berlaku banjir kilat," tegasnya sambil menyatakan bahawa sungai juga tidak pernah dikorek untuk tujuan pelebaran dan pendalaman.

Selain banjir kilat, masalah pencemaran akibat kegiatan penternakan juga mengganggu penduduk di Sungai Bakap.

Menurut beliau, sistem terbuka yang dilaksanakan hari ini tidak lagi sesuai kerana mencemarkan alam sekitar.

"Kita harus tukar kepada sistem tertutup dan memantau penternak dengan lebih ketat supaya mereka tidak membuang sisa ternakan ke sungai sehingga menjejaskan ekosistem dan menimbulkan bau busuk.

"Kita tidak bantah aktiviti penternakan kerana itu adalah sumber rezeki penduduk, tapi pihak berkuasa harus perketatkan lagi peraturan," ujarnya.

Justeru, Dr. Amar Pritpal menyeru kepada seluruh pengundi Sungai Bakap agar memberikan beliau masa untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

"Saya harap pengundi boleh bagi saya masa dan peluang kerana saya merupakan ADUN baru belajar.

"Walau bagaimanapun, saya akan buat yang terbaik untuk rakyat tanpa mengira parti politik, agama dan bangsa," katanya yang boleh bertutur dalam sembilan bahasa antaranya, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Punjabi, Hindi, Hokkien, Tiochiu, Tamil dan kini sedang mempelajari bahasa Perancis.

# Galas portfolio paling berat peringkat negeri, Jagdeep percaya mampu teruskan legasi kecemerlangan



JAGDEEP Singh Deo menunjukkan pemandangan bandar raya George Town dari pejabatnya di Komtar.

**DETIK** hitam yang terpalit pada keluarga berdarah peguam, mendiang Karpal Singh pada 1987 yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) melalui Operasi Lalang ketika itu menjadi penguat semangat buat anak sulung mendiang, **JAGDEEP SINGH DEO** meneruskan hasrat bapanya untuk menjadi seorang peguam berjaya.

Jagdeep bukan sahaja berjaya sebagai peguam selama lebih 19 tahun di dalam bidang tersebut, malah kini beliau menerajui portfolio penting di peringkat negeri iaitu sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa.

Memulakan bicara, Jagdeep yang tidak lokek berkongsi pengalaman hidupnya berkata, detik hitam tersebut berlaku ketika usianya 17 tahun dan bakal mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Pada ketika itu saya langsung tidak dimaklumkan oleh ibu kerana dia tak mahu mengganggu emosi saya yang bakal berdepan peperiksaan besar...saya hanya tahu mengenai penahanan tersebut selepas menduduki peperiksaan akhir.

"Ketika itu, keluarga mengalami konflik kewangan dan tidak mampu menghantar saya ke luar negara kerana syarikat guaman Tetuan Karpal Singh & Co. hampir ditutup dan tidak beroperasi, tetapi pada masa sama keluarga terutamanya ayah menaruh harapan tinggi supaya saya dapat melanjutkan pelajaran dalam bidang guaman.

"Mujurlah *result* SPM saya cemerlang dan berjaya memperoleh biasiswa untuk meneruskan pengajian pra-universiti di *Monash High School, Melbourne* pada tahun 1988. Setiap hari yang saya lalui di Melbourne, tiada satu hari pun ingatan saya tidak fikirkan ayah yang masih dalam tahanan dan ibu yang terpaksa menjaga adik yang masih kecil berusia tiga bulan seorang diri.

"Setahun selepas menamatkan pra-universiti di sana, ayah masih ditahan di bawah ISA....sekali lagi saya mohon biasiswa untuk meneruskan pengajian di peringkat ijazah... buat sekian kalinya rezeki menyebelahi dan berjaya melanjutkan pelajaran di *University of Warwick, England* (1989 hingga 1992) dan 1993, pengajian lanjut di dalam bidang Guaman di *Gray's Inn London*," ujarnya yang petah berbicara selayaknya sebagai seorang bekas peguam kepada wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** ketika ditemui di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Jagdeep memulakan kariernya sebagai peguambela dan peguamcara pada tahun 1994 hingga 2013 di firma guaman ayahnya sebelum memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat pada tahun 2013.

Difahamkan, beliau mula berjinak-jinak dalam politik dan bertanding buat pertama kalinya pada pilihan raya tahun 1999 di DUN Bukit Gelugor yang ketika itu merupakan kerusi negeri, tetapi mengalami kekalahan (pada tahun 2004, Bukit Gelugor dijadikan sebagai kerusi Parlimen, manakala DUN Bukit Gelugor merupakan DUN Seri Delima kini).

## Kejayaan mentadbir portfolio perumahan

Selepas memenangi DUN Datuk Keramat pada tahun 2013, Jagdeep terus ditawarkan sebagai Exco Perancangan Bandar dan Desa & Perumahan oleh mantan Ketua Menteri ketika itu, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Sesuai dengan dirinya yang sukakan cabaran, Jagdeep memberitahu bahawa beliau menerima tanggungjawab tersebut dengan hati terbuka dan semangat yang tinggi untuk melakukan perubahan di dalam isu perumahan.

"Perkara pertama yang saya lakukan adalah untuk memastikan harga rumah turun kerana Pulau Pinang sudah pesat, ramai orang ingin datang dan ingin beli rumah di sini.

"Kesan daripada itu, apabila permintaan terhadap rumah meningkat, harganya pun akan naik...jadi apa yang saya buat adalah memperkenalkan langkah penyejukan pasaran pada tahun 2014.

"Selalunya, kesan terhadap pengenalan langkah ini hanya dapat dilihat dalam tempoh dua hingga tiga tahun kemudiannya. Syukur pada hujung tahun 2016, hampir 70 peratus penjualan rumah adalah di bawah harga RM500,000 yang mana kita klasfikasikannya sebagai mampu milik.

"Tetapi, di Pulau Pinang, bagi memastikan lebih banyak rumah mampu milik didirikan, kita telah memperkenalkan harga baru iaitu RM300,000 ke bawah (mampu milik) bagi kawasan pulau.

"Usaha ini berjaya, apabila pada suku pertama tahun 2017, hampir 50 peratus penjualan rumah mampu milik adalah di bawah harga RM300,000," jelas beliau lanjut.

Sepanjang lima tahun memegang portfolio perumahan, Jagdeep telah berjaya 'membangunkan' hampir 75,000 rumah mampu milik meliputi rumah yang telah dibina, akan dibina dan telah diberikan kelulusan untuk pembinaan.

"Dengan pengalaman ini, jika ada ruang untuk perbaiki, kita akan perbaiki dan buat sepertimana yang sudah dibuat sebelum ini hingga menampakkan kejayaan di dalam bidang perumahan," katanya.

## Galas portfolio Kerajaan Tempatan

Ditanya berhubung portfolio baharu yang diberikan selepas pilihan raya baru-baru ini, Jagdeep dalam responsnya berkata ia merupakan portfolio paling berat di peringkat negeri.

Namun, beliau percaya mampu meneruskan legasi kecemerlangan mantan Exco dahulu, Tuan Chow Kon Yeow (yang kini merupakan Ketua Menteri Pulau Pinang Kelima).

Mengulas lanjut mengenai tanggungjawab tersebut, Jagdeep menyatakan, seperti pendekatan yang digunakan di dalam perumahan, beliau akan menggunakan formula sama di peringkat Kerajaan Tempatan.

"Bagi saya, apa yang lebih penting adalah memastikan perkhidmatan Kerajaan Tempatan menjadi efisien yang boleh, maksudnya... kurang kerenah birokrasi dan lebih mudah diakses oleh masyarakat, sama macam perumahan kini.

"Tapi, ia tidak begitu susah memandangkan Exco dahulu (Kon Yeow) merupakan seorang Exco yang sangat bekerja keras... saya akan teruskan kerja-kerja baik yang ditinggalkan beliau," ujarnya.

Dalam pada itu, Jagdeep berharap dapat menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pintar.

"Ke arah tersebut, kita (Kerajaan Negeri) mempunyai perancangan untuk menukarkan semua lampu jalan raya kepada lampu jenis LED seterusnya menjadi Pulau Pinang negeri rendah karbon.

"Kedua, ingin mempunyai sistem trafik pintar yang lebih sesuai dengan teknologi dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) akan menjadi lebih efisien dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas.

"Ketiga, usaha mendapatkan kelajuan internet yang lebih laju... agak gembira sebab Menteri Komunikasi dan Mutimedia sekarang, Gobind (Singh Deo) merupakan adik saya, jadi harap dia boleh lebih prihatin kepada Pulau Pinang terlebih dahulu," selorohnya sambil ketawa komited untuk terus berusaha mengekalkan status Pulau Pinang sebagai *Asean Tourist Cleanliness City* pada masa akan datang.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11125
Peminjam : NURZALILA BINTI RAZALI - 87022735****
3-3-15 FLAT SERI DELIMA, LINTANG BAYAN 8, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SUKIMAN BIN UNTONG - 58122307****
435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD SAPARI BIN ABD MAJID - 80011107****
435 BLOK H MK 12 JALAN BHARU, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 11129
Peminjam : MOHAMMED KHAIRUL FAREEZ BIN HANAFI - 83081807****
NO. 11 LORONG RAJAWALI 13, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : NORAZURA BINTI MOHAMED MOKHTAR - 73010508****
NO. 40 JALAN SEPAKAT, TAMAN RAPAT INDAH 31350 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : MOHD NAZRUL HALIM BIN GHAZALI - 83052606****
KAMPUNG GUA, PADANG TENGKU 27100 PAHANG

No Akaun : 11130
Peminjam : SITI NUR SOLEHA BINTI SAFIAN - 88072407****
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, TELUK KUMBAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI NUR KHADIJAH BINTI SAFIAN - 79052707****
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SAFIAN BIN MOHAMED HANIF - 53120408****
34 TINGKAT PASIR BELANDA 7, 11920 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG

No Akaun : 11134
Peminjam : HALIMA SAKDIYA BINTI PAKIR MYDIN - 85081407****
BLOK 399-4-2, TAMAN DATO SYED ABBAS , JALAN JELUTONG 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHARIFFA BINTI PAKIR MYDIN – (MENINGGAL DUNIA)
BLOK 56-10-01 JALAN SLIM , 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD JAMIL BIN S A ABDULLAH - 64020607****
115-09-10 KOMPLEKS JALAN KEDAH 10050 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 11136
Peminjam : MOHD ILIYAS BIN IBRAHIM - 85032507****
9 TINGKAT PERWIRA 1, TAMAN WIRA, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : AMNAH BINTI SAAD - 60081202****
F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH
Penjamin 2 : ZAINAB BINTI SAAD - 68033102****
F 461 KAMPUNG BERAPIT, TIKAM BATU, SUNGAI PETANI 08600 KEDAH

No Akaun : 11137
Peminjam : MOHD IDHAM BIN MOHD SHARIF - 84080208****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : MOHD SHARIF BIN ARIFIN - 53061108****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : MOHD HAFIZURRAHMAN BIN MOHD SHARIF - 82052407****
2207 JALAN HARAPAN 2, TAMAN HARAPAN 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 11142
Peminjam : NURUL FITRIYAH BINTI MD RADI - 83071207****
5096 MK 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHE EMBON BINTI YUSUF - 52022407****
5096 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ZAWIAH BINTI MAT ZAIN - 67062602****
811 MUKIM 3, KAMPUNG PETANI 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 11143
Peminjam : NURUL HAFIZ BIN CHE HUSSIN - 88112835****
NO.358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 1 : NOOR ELEYZAA BINTI CHE HUSSIN - 81021708****
LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI 30020 IPOH, PERAK
Penjamin 2 : CHE HUSSIN BIN ARIPIN - RF64***
LOT 358 LORONG DATO, KAMPUNG MANJOI 30020 IPOH, PERAK

No Akaun : 11144
Peminjam : SITI NURATIQAH BT KHAMARUDIN - 89052707****
NO. 375 BAGAN AJAM, JALAN TAMAN EMAS 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : KHAMARUDIN BIN HASHIM - 44112507****
NO. 375 BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI HAJAR BINTI KHAMARUDIN - 84042007****
NO. 375 BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 11145
Peminjam : SHAH REZZAT BIN AHMAD - 85010514****
NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : AHMAD BIN ABD HADI - 54010702****
NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : SHAH FAIZAL BIN AHMAD - 83121114****
NO. 4 JALAN MAJU, TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11148
Peminjam : SITI ZAINONI BINTI MOHD ZAINOL ABIDIN - 87010135****
58 BLOCK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR AZMAN BIN MD ALI - 78101708****
58 BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FAIZAH BINTI MOHD KHIR - 65120202****
958 MUKIM 6, PONDOK UPEH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 11149
Peminjam : MOHD RAISUL MUHADDISIN BIN HAMAD - 81041207****
NO. 598 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : ABD SYAFIQ BIN SALLEH - 82112707****
2740 JALAN SERAMPANG 4, TAMAN RIA JAYA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
Penjamin 2 : RIDZUAN BIN HAMAD - 55011607****
NO.12 JALAN 4/7D, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR

No Akaun : 11150
Peminjam : GAVI ARESI A/P SUGUMARAN - 83070807****
NO. 6 LORONG SUTERA PRIMA 3, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 1 : SUGUMARAN A/L KAMARAN NAIR - 59040802****
6 LORONG SUTERA PRIMA 3, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : SELVANATHAN A/L MARIAPPEN - 74061107****
NO.1 CANGKAT GAMBIR 1, DESA MUTIARA 2, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11151
Peminjam : ZAIRUL IDZWAN BIN ZAINAL ABIDIN - 85040207****
NO. 80 JALAN MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : ZAINAL ABIDIN BIN AZIZ - 51062608****
NO. 80 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : KHOZANAH BINTI IBRAHIM - 69101710****
24 LORONG BENTARA 14 , TAMAN BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11152
Peminjam : NOOR BAKHTIAR BIN AHMAD - 82021007****
NO. 141 JALAN EMPAT, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOOR AZIDAH BINTI AHMAD - 75040107****
NO. 141 LORONG NELAYAN 4, 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORHANA BINTI AHMAD - 72012807****
7A-5-10 PALM COURT, SERI TANJUNG PINANG, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 11154
Peminjam : MUHAMMAD HAFIZ BIN ABU BAKAR - 84020914****
NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : MUHAMMAD HUSAIRI BIN ABU BAKAR - 76031607****
NO. 801 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : MOHAMMAD NAJIT BIN ZAKARIAH - 84032207****
5525 KAMPUNG CHEGAR, PADANG MENORA 13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11170
Peminjam : HARDEV SINGH A/L HARPAL SINGH - 82090408****
MENARA ALPHA, UNIT B-6-6 SEKSYEN 2, JALAN 4/27A, WANGSA MAJU SETAPAK 53300 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : HARPAL SINGH A/L RATTAN SINGH - (MENINGGAL DUNIA)
3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : BULAWAN KAUR A/P GEJA SINGH - 54062008****
3T LORONG DELIMA 13, ISLAND GLADES, 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11188
Peminjam : LOO YING JIE - 84101607****
38-G-8 LENGKOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, BAYAN LEPAS 11900 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LOO KOK WAI - 60022107****
38-G-8 LENGKOK NIPAH 2, TAMAN JUBILEE, 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIAU HOCK KIM - 68121102****
288C-05-01 FORTUNE COURT, JALAN THEAN TEIK, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 11189
Peminjam : MOHAMMAD SYUKRI BIN BADARUDDIN - 89031107****
NO. 26 JALAN NIPAH, TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BADARUDDIN BIN MD HASSAN - 55040108****
NO. 26 JALAN NIPAH , TAMAN HJ MOHD AMIN 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : ZAHIRUDDIN BIN BADARUDDIN - 83052907****
11A TINGKAT PASIR BELANDA 4, TAMAN CAHAYA, TELUK KUMBAR 11960 PULAU PINANG

No Akaun : 11191
Peminjam : ONG PENG KUN - 88101807****
63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ONG CHIN HOCK - 54021407****
63B-17-16 SYMPHONY PARK, JALAN LENGGONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM POH CHOON - 77090507****
244 E-2-2 TAMAN CEMERLANG, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 11194
Peminjam : INTAN NUR FARRAH BT RAHMAT - 87103035****
MBT 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYEGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR
Penjamin 1 : FARIDAH BINTI MD SAID - 56021301****
MBP 437 KR LOT 6052A, PARIT PENYENGAT, PARIT JAWA 83610 MUAR, JOHOR
Penjamin 2 : MUSALMAH BINTI MOHD SAID - 65010601****
NO. 53 JALAN LANGSAT, TAMAN SULIR, PEKAN JABI 85000 SEGAMAT, JOHOR

No Akaun : 11199
Peminjam : NOR AKMA BINTI MOHD RAWI - 88062007****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU
Penjamin 1 : NOOR RAZILA BINTI MOHD RAWI - 84030307****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOOR PAZIRA WIZUANA BINTI MOHD RAWI - 82102307****
DI HADAPAN 273 MK B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG

No Akaun : 11201
Peminjam : NOOR ISMAIL B. MOHD YUNUS@ZAKARIA - 85051907****
NO. 36 JALAN SEJAHTERA JAYA 2/1, TAMAN SEJAHTERA JAYA 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : NOORASHIKIM BINTI NOORDIN - 75122407****
20 LORONG BENTARA 22, TAMAN BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : NUR HAFIZAH BINTI HARON - 81060507****
NO.94 TAMAN PELANGI, MK BELIMBING KANAN 06300 KUALA NERANG, KEDAH

No Akaun : 11203
Peminjam : NABILA TASYA BINTI YAHYA - 89081607****
NO. 50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI
Penjamin 1 : NUR MUHARNI BINTI MOHAMED - 81102805****
10-13-12 FLAT PINANG EMAS, JALAN SUNGAI SATU, BATU FERRINGHI 11100 PULAU PINANG
Penjamin 2 : FATMAZURYANTI BINTI KHAIRULDIN - 83040713****
50 SOLOK KIKIK 1, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 11204
Peminjam : NOR ASLINA BT ISMAIL - 82022608****
KIRI 858 MUKIM 11 , KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MARZUKHE BIN ZULKIPLE - 79031907****
KIRI 858 MUKIM 11, KAMPUNG BUKIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORASSIMA BINTI ISMAIL - 83093008****
697 MK 11, KAMPUNG BUKIT 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11206
Peminjam : KOSSHLAVANI A/P MACHEREGAN - 85102207****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : MACHEREGAN A/L RENGASAMY - 51052307****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 2 : JAYANTHARAAN A/L MACHEREGAN - 81120107****
47 JALAN SUNGAI BAKAP PERMAI, TAMAN SUNGAI BAKAP PERMAI 14200 SUNGAI JAWI, SPS

No Akaun : 11209
Peminjam : LAU KAI XIANG - 89051307****
1-C JALAN GOTTLIEB, GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LAU MENG - 49120807****
NO.1-C JALAN GOTTLIEB 10350 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHAI HON - 79050607****
BLOK A-2-5 TAMAN SRI SETIA, VALE OF TEMPE, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG

No Akaun : 11210
Peminjam : KOO HUAI HONG - 87031935****
A 142 LORONG MUTIARA 2/1, TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : KOO SOON HOCK - 57120907****
A 142 LORONG MUTIARA 2/1 , TAMAN MUTIARA INDAH 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : KHAW SOON HAK - 73031907****
NO. 5 LORONG SELAYANG PERMAI 11, TAMAN SELAYANG PERMAI 13020 BUTTERWORTH

No Akaun : 11212
Peminjam : PARAMASWARI A/P RAJAGOPAL - 86032535****
86-07-16 DESA INDAH, PESIARAN PAYA TERUBONG 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : PARVATHY A/P KARUPPAYA - 69081602****
VILLA KEJORA, BLOK 1-13A-3A HILIR PAYA TERUBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAJAGOPAL A/L KARUPPAYA - 55032702****
86-7-16 PERSIARAN PAYA TERUBONG 2, TAMAN INDAH RELAU 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 11213
Peminjam : SHAREENA BT JASNI - 82122007****
NO. 12A JALAN PERMATA BARU 1, TAMAN PERMATA BARU 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ROZLAN BIN ABDUL RAHMAN - 74051907****
NO.1189 JALAN BUTTERWORTH 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NURUL AZWA BINTI SAIMAN - 80080702****
NO. 314 JALAN MEWAH 7, TAMAN MEWAH, LUNAS, 09600 KEDAH

No Akaun : 11214
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL AZIZ - 87070535****
4051 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : AZLINA BINTI ABDUL AZIZ - 82012207****
SB 627 UNIT 3 PADANG BENGGALI, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NURHAYATI BINTI ABDUL AZIZ - 77052807****
4514 MUKIM 8, POKOK SENA 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 11216
Peminjam : OOI SEN YONG - 89031607****
63A-16-6 JALAN LENGGONG, JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : OOI LYE AUN - 64040407****
63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : OOI SOO YONG - 85020607****
63A-16-6 JALAN LENGGONG, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG

No Akaun : 11220
Peminjam : LIM CHENG MEI - 91062607****
14-E PINTASAN CECIL 1, GEORGETOWN 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH JIN HUAT - 80111107****
BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHENG IM - 83082307****
BLOK 330-17-8 TAMAN GAMBIR, JALAN BUKIT GAMBIR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 11223
Peminjam : MOHD ZAIDI BIN YAAKOP - 82060407****
NO. 1128 PERSIARAN UTAMA 3/2, TAMAN KULIM UTAMA FASA 2, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : NOORHARIZAH AZFAR BINTI ALI BAHRUN - 83072812****
NO. 1128 PESIARAN UTAMA 3/2 TAMAN KULIM UTAMA FASA 2, 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ELIAS BIN HASHIM - 72120607****
434 JALAN MAHSURI 4/A , TAMAN MAHSURI FASA 3C 09400 PADANG SERAI, KEDAH

No Akaun : 11225
Peminjam : JEMILAH BINTI IBRAHIM - 76020607****
PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : AHMAD FAIRUZ BIN JAMALLUDIN - 81081802****
NO. 94 TAMAN INTAN, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : MOHD RIDZA BIN MOHD NOR - 82042814****
NO. 150 LORONG NILAM 8/3, TAMAN ARKED, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 11229
Peminjam : ISMAIL BIN MAHAMAD HAKIMI - 83012101****
NO. 14 LORONG 1 , TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS,
Penjamin 1 : MAHAMAD HAKIMI BIN IBRAHIM - 57081209****
14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NORIZAN BINTI ESA - 59030101****
14 LORONG 1, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA

# Bangunkan pembangunan pelancongan menyeluruh, nekad Soon Hin

**MASIH** terkejut, itulah reaksi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, sejurus dilantik menggalas tugas sebagai Exco Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan & Kesenian.

Beliau diberi kepercayaan menggalas tanggungjawab itu setelah tiga penggal mengungguli ADUN Paya Terubong sejak 2008.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** baru-baru-ini sempat menemu bual individu yang pernah menjadi peguam sebelum terjun ke kancah politik, dan kini dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

## Permulaan

Mengakui rasa kagum dengan dua insan hebat dalam arena politik iaitu Lim Kit Siang dan mendiang Karpal Singh, beliau mengakui bahawa semangat perjuangan mereka yang membuat beliau menceburi politik.

"Kedua-dua individu tersebut amat saya kagumi dengan semangat dan prinsip mereka menegakkan keadilan lebih 50 tahun.

"Menerusi mereka, ia membuatkan saya percaya bahawa prinsip amatlah penting dalam menentukan jalan hidup dan terus bersemangat 'lawan' walaupun berdekad lamanya," tegasnya.

## Visi Pelancongan dan Warisan

Sebagai Exco baharu bagi pembangunan pelancongan, Soon Hin meletakkan visi melaksanakan program pelancongan mapan Pulau Pinang dengan mengadakan sesi perbincangan dengan pihak berkepentingan.

"Antara fokus pelancongan mampan yang dimaksudkan termasuk pelancongan berasaskan alam semula jadi, eko-pelancongan dan pelancongan kebudayaan.

"Platform media sosial akan digunakan sepenuhnya dalam menarik lebih ramai pelancong tempatan dan luar negara untuk bertandang ke Pulau Pinang.

"Saya amat tertarik dengan negara Jepun sepanjang melawat negara luar terutamanya dalam aspek kebersihan dan pengangkutan awam.

"Justeru, saya berharap Pulau Pinang dapat bergerak maju seiring Jepun dalam isu kebersihan dan pengangkutan yang secara tidak langsung boleh menggamit pelancong ke negeri ini," katanya.

Soon Hin dalam pada itu turut menyuarakan hasrat membangunkan sektor pelancongan di kawasan Seberang Perai berkonsepkan '*homestay*' atau rumah inap.

"Seberang Perai sebenarnya banyak produk pelancongan seperti *homestay* yang membawa kita lebih dekat dengan suasana kampung berbanding tinggal di hotel.

"Setakat ini, difahamkan 11 *homestay* berdaftar di negeri ini dan buat masa ini pertandingan antara *homestay* yang diadakan boleh merancakkan lagi pengetahuan orang ramai tentang produk tersebut.

"Selain itu, Bukit Mertajam turut memiliki Gereja St. Anne yang secara tahunan akan menganjurkan festivalnya sendiri. Penganjuran tersebut menarik minat orang ramai mendekati seni binanya, sejarah dan kawasan persekitarannya.

"Pengamatan saya juga membayangkan untuk menganjurkan festival padi di Seberang Perai. Saya percaya ramai generasi muda hari ini tak pernah ada pengalaman berjalan di bendang ketika musim menuai, dari situ mereka akan merasakan pengalaman baharu sambil memisahkan mereka dari dunia teknologi," ujarnya.

## Harapan

Tambah Soon Hin, dengan keterbukaan dan tadbir urus yang baik, banyak produk pelancongan baharu dan moden ada di Pulau Pinang.



YEOH Soon Hin.

"Produk pelancongan baharu ini semestinya mampu melonjakkan angka kehadiran pelancong ke Pulau Pinang.

"Saya juga berhasrat untuk melihat kehadiran semula artis jalanan terkemuka dari Lithuania, Ernest Zacharevic yang dilarang masuk ke Malaysia sebelum ini.

"Adalah sesuatu yang bagus sekiranya kita mampu membawa semula Ernest ke Pulau Pinang untuk memberi sentuhan lukisan baharu yang mampu tular lantas menjadi produk pelancongan di sini," kata beliau.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

| No Akaun | Peminjam | Penjamin 1 | Penjamin 2 |
|---|---|---|---|
| 11230 | KHAIRUN NISAK BINTI SAAD - 87080435****<br>4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SPU | IDRIS BIN KADIR - 67070107****<br>NO. 3955 GUAR KEPAYANG 13200 KEPALA BATAS, SPU | SAAD BIN AHMAD - 57042707****<br>NO. 4043 PERMATANG KERAI BESAR 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| 11232 | TAMIL ALAGAN A/L SUPRAMANIAM - 87031207****<br>2-02 PANTAI APARTMENT, JALAN WISMA PANTAI 1, KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH | MEHGALA A/P A MURUGAIA - 71111108****<br>6 JALAN BAGAN 45, TAMAN BAGAN, 13400 BUTTERWORTH | SUTHAKAR A/L PERUMAL - 79071707****<br>11A JALAN BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| 11236 | YUSMIM BINTI OMAR - 86110135****<br>TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH | JULIA BINTI OMAR - 77020307****<br>IBU PEJABAT POLIS DAERAH YAN, 06900 YAN, KEDAH | JURIAH BINTI OMAR - 84020107****<br>TS 8901 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH |
| 11238 | NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 86010307****<br>NO. 26 JALAN BUNGA KEKWA 2/12, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR | KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 76021108****<br>187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR | ZANRIAH BINTI TOHA - 60061310****<br>187 KM 4 PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR |
| 11240 | AZIE RAZNIE BINTI ABDUL GHANI - 89080602****<br>756-B, BLOK J,TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH | ABDUL GHANI BIN H CHE MEH@H MAN - 66082802****<br>756-B BLOK J, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH | MOHD KHAIRUL NIZAM BIN ABD LATEH (T722054) - 81041002****<br>NO. 24 JALAN GEMILANG 9, TAMAN BUKIT GEMILANG 81300 SKUDAI, JOHOR |
| 11244 | CHAN CHUN MING - 80081907****<br>1-12-03 TAMAN LONE PINE, LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG | CHAN CHUN KUANG - 81110107****<br>1-12-03 TAMAN LONE PINE, LEBUH RAMBAI 14, PAYA TERUBONG 11600 PULAU PINANG | LIM CHENG KEAT - 80012007****<br>BLOK 3-4-7 TAMAN SRI BUNGA, JALAN TAPAH 11600 PULAU PINANG |
| 11247 | TAN MIN CHIE - 81121907****<br>21 JALAN SERI SG. LONG 7, TAMAN SERI SG. LONG, KAJANG 43200 SELANGOR | NG KEE SOON - 66032508****<br>21 JALAN SERI SUNGAI LONG 7, TAMAN SERI SUNGAI LONG 43200 BATU 9 CHERAS, SELANGOR | PHOON HONG BOON - (MENINGGAL DUNIA)<br>362-10-3, GAT LEBUH MACALLUM, 10300 PULAU PINANG |
| 11248 | MOHAMAD FIDZWAN BIN MAHMAD FAZIL - 90090507****<br>NO. 3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU(UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI | FAEZAH BINTI MAHMAD FAZIL - 81013007****<br>3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA), JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI | MOHAMAD FAIZAL BIN MAHMAD FAZIL - 85061607****<br>3003 PLOT 93 KAMPUNG SURAU (UDA) , JALAN TERUBUK, SEBERANG JAYA 13700 PERAI |
| 11252 | ASRIN BIN ALIAS - 89070707****<br>NO. 67JALAN MAJU, TAMAN HAJI ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU | AZLINA BINTI ALIAS - 80041407****<br>NO.2886 PERMATANG SINTOK, 13200 KEPALA BATAS, SPU | AZIZAH BINTI AHMAD - 52070707****<br>67 JALAN MAJU , TAMAN HJ ABDULLAH FAHIM 13200 KEPALA BATAS, SPU |
| 11254 | AHMAD KHAIRI ASWAD BIN ISHAK - 86080635****<br>5462 KAMPUNG NYIOR SEBATANG 13300 TASIK GELUGOR, SPU | ISHAK BIN SAAN T - RF69***<br>IBU PEJABAT POLIS DAERAH , KUALA MUDA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH | SITI NORSHAHBANDI BINTI ABU BAKAR - 77071214****<br>B-14-04 BLOK B PANGSAPURI BUKIT BARU, JALAN KERAMAT HUJUNG 54000 KUALA LUMPUR |
| 11256 | CHENG HSZE MIN - 89050807****<br>614A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH | CHENG TAT WAH - 64102107****<br>6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH | ONG AH KEOW - 64092307****<br>6-14A PANGSAPURI SRI MEKAR, JLN PERUSAHAAN RINGAN 1, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH |
| 11260 | NAZIRAH BINTI MAHMUD - 86052335****<br>NO. 2 LORONG SELESA 1 , KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU | ROSLAN BIN CHE ROSE - 79102402****<br>369 JALAN KENANGA 6/2, PERSIARAN AMANJAYA 7 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH | KHALIJAH BINTI ISHAK - 73060207****<br>5 TINGKAT SELESA 2, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU |
| 11264 | ANUAR SHAH BIN ARIPPIN - 83050707****<br>BLOK 9-6-5 , JALAN TENGAH 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG | ARIPPIN BIN MAT - 54071808****<br>BLOK 9-6-5 JALAN TENGAH, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG | ROHAIYU BINTI RAMLI - 76082501****<br>2A-5-17 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG |
| 11265 | NUR NASIHAH BT AHMAD KAMAL - 89072507****<br>210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH | AHMAD KAMAL BIN AHMAD - 62040707****<br>NO.210 PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH | MARIAM BINTI AHMAD - 72012107****<br>25 LORONG PAUH JAYA 3/3, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI |

# Kadar sifar GST bakal tambah nilai lebih kepada wang rakyat - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PANTAI JEREJAK -** Pengumuman Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada kadar sifar berkuatkuasa 1 Jun 2018 bakal meningkatkan kembali kuasa beli rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang menyambut baik langkah tersebut berkata, pengumuman daripada Kementerian Kewangan mengenai kadar sifar tersebut tepat kerana ia akan menambah nilai lebih kepada wang rakyat.

"Pengumuman ini akan memberikan nilai tambah kepada wang rakyat sekaligus meningkatkan kembali kuasa beli rakyat yang akan dipam kembali ke dalam pertumbuhan ekonomi negara.

"Malah, ia juga dapat membantu perniagaan kecil yang selama ini menderita kerana GST...kadar sifar ini akan menyebabkan lebih ramai orang keluar untuk berbelanja, kerana sekarang mereka tidak perlu lagi membayar GST," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pembukaan Ekspo Penfurnex 2018 di sini 1 Jun lalu.

Hadir sama, pemain-pemain industri dan pempamer yang mengambil bahagian.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Penerangan memberitahu, nilai eskport industri perabot negara pada tahun lalu mencecah RM10.14 bilion, yang mana peningkatan sebanyak 6.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, 2016.

"Industri perabot merupakan pemacu kepada ekonomi Malaysia, negara ini sentiasa terkenal dengan produk perabot berasaskan kayu kerana sumber semula jadinya.

"Di bawah Dasar Industri Kayu Negara, eksport industri perabot ini disasar akan menyumbang sebanyak RM12 bilion menjelang tahun 2020," ujarnya sambil menyatakan bahawa kerajaan akan terus menyokong pembangunan industri perabot melalui pelbagai inisiatif bagi memastikan ia terus berkembang pesat serta mampan.


CHOW Kon Yeow (tiga dari kanan) pada majlis pelancaran Ekspo Penfurnex 2018 di sini baru-baru ini.

Di kesempatan tersebut juga, Kon Yeow menyeru para industri perabot agar tidak terus selesa kepada kejayaan yang dikecapi kini, sebaliknya beliau menggesa agar mereka terus meneroka potensi pasaran yang sedang berkembang.

"Dalam tahun kebelakangan ini, pertumbuhan telah beralih daripada menghasilkan produk am ke arah ciri reka bentuknya sendiri, ini menjadi kunci dalam menggerakkan Malaysia ke arena antarabangsa," ujarnya.



**Dua Residensi** - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-5/10-2018/0803(L) Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-5/10-2018/0803(P) | Tempoh Sah: 18/10/2016 - 17/10/2018 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/OSC/PB(6163)/13(LB) | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 18/12/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2018 | Bebanan: Tiada | Jumah Unit: 694 unit | Harga Jualan: RM72, 500 (Min) - RM330,000 (Maks)

**Jiran Residensi** - Pemaju: Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang | No. Lesen Pemaju Perumahan: 8924-6/11-2019/0964(L) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | No. Permit Iklan & Jualan: 8924-6/11-2019/0964(P) | Tempoh Sah: 18/11/2017 - 17/11/2019 | Nama Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Seberang Perai | Nombor Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/40/20-24/38 | Pajakan Negeri: 99 Tahun (Tarikh Tamat Pajakan: 23/11/2115) | Tarikh Dijangka Siap: Mac 2018 | Bebanan: Tiada Jumah Unit: 707 unit | Harga Jualan: RM72, 500 (Min) - RM250,000 (Maks)

- Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindah milik, dicagar, pajak atau pajakan kecil atau dengan apa-apa urusan sekalipun diuruskan tanpa kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri.
- Huraian ciri-ciri di dalam ini adalah cadangan sahaja serta semua ilustrasi dan gambar adalah gambaran artis sahaja dan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang dianggap sesuai oleh pihak pemaju atau sebagaimana yang dinasihatkan oleh pakar-pakar perunding atau diperlukan oleh pihak berkuasa.
- Sila rujuk kepada Surat Perjanjian Jual Beli bagi unit sebenar untuk mendapatkan spesifikasi dan penerangan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa dan unit sebenar akan dibina dengan sewajarnya.

Perumahan Mampu Milik

# ‘Satu Kelas Satu Landskap’, SJKC Jelutong jadi sekolah perintis

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Setiap kelas di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Jelutong kini lebih aktif dengan kewujudan taman-taman mini menyinari landskap sekolah tersebut.

Setiap pelajar ditugaskan untuk bersama-sama menjaga pokok-pokok renek termasuk pokok bunga dan kaktus mengikut kelas masing-masing.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong, dengan berbekalkan dana RM6,000, pelajar di SJKC Jelutong telah berjaya mewujudkan 24 taman mini.

“Dana tersebut diluluskan pada April lalu iaitu ketika saya masih lagi Ahli Majlis bagi MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) bersama-sama rakan sejawat ketika itu, Grace Teoh.

“Ia tidaklah mahal, bajet diberikan oleh MBPP melalui inisiatif ‘Satu Kelas Satu Landskap’ amat berbaloi dengan jumlah pasu yang ada dan kos untuk pokok,” katanya ketika hadir ke sekolah berkenaan bagi Program Pengasingan Sisa Di Punca baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Mubarak Junus dan Guru Besar, Tan Ko Leong.

Rayer dalam pada itu berkata, inisiatif ‘Satu Kelas Satu Landskap’ perlu diperluaskan ke sekolah-sekolah lain di negeri ini.



**ONG Ah Teong (berkemeja belang) dan R.S.N. Rayer (bertali leher) bersama-sama sebahagian pelajar SJKC Jelutong menjayakan Program Pengasingan Sisa Di Punca di sini baru-baru ini.**

“Pastinya, kita (Kerajaan Negeri) mahu memupuk semangat cintakan alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah dengan menekankan pengasingan sisa di punca.

“Apabila banyak sekolah yang menyertai inisiatif ini, mereka pasti berlumba-lumba dan bersaing secara sihat untuk menjadi sekolah terindah,” jelasnya.

Sejajar dengan usaha ke arah negeri hijau, SJKC Jelutong menjadi sekolah perintis dan merupakan sekolah pertama di negeri ini yang mempunyai taman mini mengikut kelas di dalam kawasan sekolah.

## Asing sisa, kurang beratan sampah ke tapak pelupusan



**IR. Rosnani Mahmod (tiga dari kiri) ketika menyempurnakan Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar di sini baru-baru ini.**

**BUKIT MERTAJAM –** Pasar raya terkemuka *AEON Big* dekat Bukit Minyak menjadi pasar raya pertama di Seberang Perai yang menyertai Program Sisa Sifar anjuran Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod berkata, tujuan penganjuran program berkenaan adalah untuk memberi kesedaraan termasuk mengajak para pengusaha premis di *AEON Big* supaya mengasingkan sisa makanan daripada dibuang terus ke tapak pelupusan.

“Langkah ini sekaligus dapat mengurangkan jumlah beratan sampah di tapak pelupusan dan juga dapat meningkatkan kadar kitar semula dalam kalangan pengusaha premis dan masyarakat.

“Selain itu, melalui program ini juga, pengusaha premis dapat mengetahui bahawa sisa makanan boleh juga dijadikan sebagai baja kompos,” katanya semasa melancarkan program berkenaan di Medan Selera *AEON Big* Bukit Minyak di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Setor *AEON Big* Bukit Minyak, S. Tinagaran dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Mengulas lanjut, Rosnani menyatakan bahawa dua restoran dan tiga gerai makanan di sini akan melaksanakan pengasingan organik yang mana kaedah pelaksanaannya telah dibentangkan dalam satu taklimat pada 30 April lalu.

“Peserta juga dibekalkan dengan bekas untuk mengisi sisa organik, dan apabila bekas ini telah penuh, pihak pengurusan akan memaklumkan kepada MPSP untuk menyelaraskan kutipan.

“Sisa makanan yang dikutip ini akan dihantar ke Pusat Kompos Bagan Ajam untuk dijadikan sisa kompos.

“MPSP juga telah memilih beberapa pasar awam sebagai perintis projek untuk menjalankan kutipan organik yang merupakan salah satu langkah dalam menuju sisa sifar,” jelasnya.






SEBAHAGIAN persembahan menarik atlet-atlet renang berirama bersempena Majlis Makan Malam dan Anugerah PASA di sini baru-baru ini.

# Inisiatif PASA, kedudukan strategik Kompleks Bandaraya Relau bakal cungkil bakat-bakat muda sukan air

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**PAYA TERUBONG –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap dengan kewujudan Kompleks Sukan Bandaraya dekat Relau, ia bakal mengembalikan kegemilangan atlet-atlet renang Pulau Pinang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kelak.

Katanya, menerusi inisiatif Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang (PASA) dan kedudukan strategik kompleks tersebut, bakat-bakat muda akan dapat dicungkil di masa hadapan untuk menjadi jaguh renang.

"Kita (Kerajaan Negeri) harap aktiviti sukan air di negeri ini dapat dimajukan, dapat dipulihkan kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang pada suatu ketika dulu adalah amat kuat dalam sukan air seperti renang.

"Atlet-atlet yang bertapak di sini, saya harap akan dapat latihan daripada jurulatih yang baik termasuk bekas penerjun olimpik," ucap beliau pada Majlis Makan Malam dan Anugerah PASA dekat kompleks sukan tersebut di sini 2 Jun lalu.

Difahamkan, sejak dibuka awal tahun lalu, seramai 10,000 pengguna telah memanfaatkan kegunaan gelanggang badminton dan kemudahan kolam renang (9,000).

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita & Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang; kepimpinan PASA, wakil-wakil kelab renang dan para atlet.

Berhubung perkembangan sukan di negeri ini, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun kebelakangan ini serta tahun akan datang adalah giat menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan di negeri ini.

"Antaranya, gelanggang bola keranjang berbumbung, stadium hoki, stadium bola sepak termasuk satu stadium renang tertutup di persisiran *Queensbay*," ujarnya.

Pada acara kemuncak tadi, *Penang Swimming Club* berjaya membawa pulang trofi Piala Ketua Menteri, manakala Penang Dolphin Team berjaya menggondol Piala Presiden.






# Grateful folk thank state, builder, for homes



**M Summit Group founder and managing director Datuk Albert Moh (right) showing the artist's impression of Ramah Pavilion to marketing manager Afzal Abdul Manap (centre) and operations executive Shahrulnizam Mohd Salleh (left).**

**OWNING** a home is never easy. Some people never dreamt of home ownership in the first place.

Being a caring state government, the Penang government introduced the state affordable housing scheme and the effort has clearly touched the lives of many people in the state.

Among them are the hundreds who bought condo units at the Ramah Pavilion condominium project in Teluk Kumbar via the state affordable housing scheme.

Marketing manager Afzal Abdul Manap, 30, thanked the Penang government for implementing the state affordable housing scheme.

"The state affordable housing scheme is a very good scheme for Penangites. It helps us to own a home at an affordable price.

"I am now staying with my parents in a low-cost flat. I have adopted an eight-month-old baby boy recently, and I want to provide a more comfortable environment for the child.

"The affordable housing scheme by the state was what I was waiting," he said in an interview on May 31.

Operations executive Shahrulnizam Mohd Salleh, 42, said it was rather difficult to own a home with the high loan rejection rate and the price of the property.

"With the help from the Penang government and M Summit Group, we are able to own our own home," Shahrulnizam said, adding that Ramah Pavilion was his first home.

M Summit Group founder and managing director Datuk Albert Moh thanked the state for the opportunity to be part of such a worthy and meaningful scheme.

"Contrary to misconceptions that all developers are profit-driven, we believe it is more gratifying to be the rakyat's developer.

"When we first heard of this wonderful programme, we were immediately thrilled to jump on board.

"Thus, we are honoured to be the first private developer to take on the state government's affordable housing scheme," Moh said.

He also highlighted the Group's corporate social responsibility effort – the Rent To Own (RTO) scheme for Ramah Pavilion, to help lighten the burden of home buyers.

Moh said that under the RTO programme, the monthly rental collected over the five years would be treated as 20% of the unit's price.

To show its gratitude to the state, the Group will hold a grand two-day weekend carnival at the site on June 30 and July 1.

The main highlight is the key handover ceremony at 4pm on June 30 where the guest of honour is Chief Minister Chow Kon Yeow.

The event will showcase thrilling musical acts, lucky draws, photography and art contests as well as visits to the condo's rooftop farm.

Ramah Pavilion comprises 759 units ranging between 800 sq ft and 1,350 sq ft in size. More than 95% of the units have been sold. Limited units are still available.

# ZPP, peruntukan lebih RM7.5 juta untuk agihan sepanjang Ramadan

Oleh : **ZAKAT PULAU PINANG**

**PROGRAM** Nur Ramadhan merupakan program terbesar diadakan oleh Zakat Pulau Pinang (ZPP) setiap tahun bagi mengagihkan bantuan zakat kepada asnaf fakir miskin sempena menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak.

Baru-baru ini, ZPP telah mengadakan 2 Siri Program Nur Ramadhan 2018. Kedua-dua program tersebut telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Hj Abdul Malik Bin Abul Kassim. Kesemua asnaf menerima wang tunai sebanyak RM600 berserta hamper dan beras.

Seramai 2,047 orang asnaf fakir miskin dari sekitar daerah Seberang Perai telah menerima bantuan dalam Program Nur Ramadhan 2018 Siri 1 yang telah berlangsung di Dewan Millenium, Kepala Batas. Nilai agihan zakat dalam program tersebut adalah sebanyak RM 1,389,913.00.

Program Nur Ramadhan 2018 Siri 2 pula telah diadakan di Tapak Pesta, Sungai Nibong. Program ini melibatkan seramai 777 orang asnaf fakir miskin dari daerah Timur Laut dan Barat Daya. Nilai agihan zakat pada hari tersebut pula adalah sebanyak RM 527,583.00.

Program Nur Ramadhan kali ini turut menyaksikan lima buah syarikat korporat telah bersama membantu asnaf dengan menunaikan zakat perniagaan melalui ZPP. 5 syarikat tersebut adalah :-

- Celcom Axiata Bhd - RM 83,131.00
- Bank Islam (M) Bhd - RM 314,891.68
- PLUS (M) Bhd - RM 1,266,529.00
- Tenaga Nasional Bhd - RM 1,344,832.63
- Angkasa - RM 85,802.20

Pada tahun ini, ZPP memperuntukkan keseluruhannya sebanyak RM7,575,000.00 untuk diagihkan di sepanjang bulan Ramadan. Moga dengan bantuan ini, meringankan beban asnaf fakir miskin. Terima kasih pembayar zakat.



ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



PROGRAM Nur Ramadan 2018 Siri 1 yang berlangsung di Dewan Millenium, Kepala Batas.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Sazali Hussein (bersongkok) menyampaikan sumbangan kepada para penerima.




ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menunaikan zakat perniagaan.




GAMBAR kenangan bersama-sama pembayar zakat perniagaan.




RM7.5 juta untuk agihan sepanjang bulan Ramadan.

# Kejadian vandalisme Taman Upcycle, MPSP buat laporan polis

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MPSP**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menzahirkan rasa kecewa terhadap perbuatan tidak bertanggungjawab oleh sesetengah pihak yang bertindak merosakkan beberapa kemudahan di Taman Upcycle di sini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, barangan yang diletakkan di taman tersebut sering kali menjadi mangsa vandalisme sehingga menyebabkan MPSP terpaksa menanggung kerugian.

"Antara yang sering berlaku adalah kehilangan dan kerosakan beberapa komponen motor *upcycle*, penyandar kerusi dan meja kayu lekang, tali bolard, komponen patung replika *'minion'* serta itik gergasi.

"Bukan itu sahaja, perbuatan seumpama ini juga turut berlaku di beberapa lagi taman seperti di Taman Tunku, Anjung Bagan dan Taman Sejahtera," jelasnya pada sidang media di Taman Upcycle bersebelahan menara MPSP di sini 4 Jun lalu.



SR. Rozali Mohamud (berkopiah), Ir. Rosnani Mahmod (dua dari kiri) dan barisan Ahli-ahli Majlis MPSP menunjukkan salah satu komponen yang rosak ekoran kegiatan vandalisme di Taman Upcycle di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod, Pemangku Pengarah Kejuruteraan, Baderul Amin Abdul Hamid serta Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Justeru, kata Rozali, satu laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Bukit Mertajam pada 2 Jun lalu berhubung perkara itu.

"Perlakuan vandalisme ini merupakan satu kesalahan jenayah mengikut Undang-Undang Kecil Vandalisme (MPSP) 1993 di bawah perkara 3 (1) yang jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara selama satu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

"Selain itu, MPSP juga bercadang untuk memperketatkan lagi kawalan di kawasan taman ini selain akan mempertimbangkan untuk memasang lampu bagi mengelakkan kejadian ini berulang.

"Oleh itu, para pengunjung diminta untuk sama-sama menjaga dan tidak merosakkan peralatan atau barangan *upcycle* yang diletakkan di taman ini supaya semua pihak dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang kita sediakan ini," serunya.

Sebagai rekod, Taman Upcycle merupakan taman pertama di Malaysia berkonsepkan *upcycle* yang bertujuan memberi pendidikan dan menggalakkan masyarakat untuk menjalankan aktiviti kitar semula dan *upcycle*.

Taman tersebut dirasmikan pada 10 Mac lalu oleh mantan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang memanfaatkan lebih 2,500 penduduk di kawasan sekitar.




## Naik taraf jalan kampung, alternatif atasi kesesakan

**GEORGE TOWN –** Cadangan menaik taraf jalan kampung sepanjang 800 meter (m) menghubungkan Jalan Balik Pulau dan Jalan Pondok Upeh, Balik Pulau telah diluluskan pada mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Trafik, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini.

Keputusan tersebut telah diputuskan pada 17 Mei lalu.

Datuk Bandar MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, MBPP sedang mencari idea dan cara terbaik untuk meredakan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut.

"Jalan alternatif yang telah dicadangkan dijangka dapat mengurangkan sehingga 30 peratus kesesakan lalu lintas sedia ada.

"Perunding akan dilantik bagi menjalankan kajian terperinci dan kemungkinan sebelum kami (MBPP) membuka tender.

"Tender dijangka akan dibuka awal tahun depan," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua-ketua Jabatan dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Difahamkan, projek tersebut akan mengambil masa kira-kira 24 bulan untuk disiapkan.

# MPSP terima anugerah PBT bertaraf 5 bintang

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berjaya menerima anugerah pihak berkuasa tempatan (PBT) bertaraf lima bintang selepas menjalani penilaian berdasarkan beberapa kriteria, kata Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Menurutnya, anugerah berkenaan diterima pada 17 Mei lalu melalui Sijil Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

"Saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas kerjasama semua pihak di atas kejayaan ini," ujar beliau ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh MPSP di sini 25 Mei lalu.

Turut hadir, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod serta barisan Ahli Majlis bagi MPSP.




**SR. Rozali Mohamud (tiga dari kanan), Ir. Rosnani Mahmod (tiga dari kiri) serta barisan Ahli Majlis bagi MPSP bergambar kenangan sambil menujukkan sijil pengiktirafan diterima di sini baru-baru ini.**

Dalam mesyuarat itu juga, Rozali turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di atas pelantikan beliau sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baharu.

"MPSP yakin dengan kepimpinan dan kewibawaan Ketua Menteri mampu membawa Pulau Pinang ke arah negeri yang makmur, berdaya tahan dan terkenal di peringkat antarabangsa.

"Ucapan tahniah juga kepada Tuan Jagdeep Singh Deo di atas pelantikan sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar & Desa baharu, dan kita yakin bahawa beliau mampu membimbing MPSP ke arah PBT yang lebih cekap, berkualiti serta berkesan dalam memberikan khidmat terbaik kepada penduduk Seberang Perai," katanya.





HILIR 37
SG. BURUNG, BALIK PULAU, PENANG
37 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat
Harga:
Min RM1,000,000
Max RM2,188,000
Saiz Bina Luas Lot dari
2,294 sf - 3,444 sf

HAKMILIK KEKAL 5% DISKAUN UNTUK BUMIPUTERA

artis3 @Jelutong, Penang
Kondominium

BLOK B
Saiz Bina 1100kp-1900kp
Harga Min : RM500,000.00
Harga Max : RM1,240,000.00
Jumlah Unit : 201

BLOK C
Saiz Bina 500kp-700kp
Harga Min : RM200,000.00
Harga Max : RM602,000.00
Jumlah Unit : 141

BLOK D
Saiz Bina 1200kp-1250kp
Harga Min : RM743,000.00
Harga Max : RM902,000.00
Jumlah Unit : 31




AIRMAS GROUP
1800 188 333 | 011 1722 5711 | www.airmas.com
33, Jalan Jelawat, Seberang Jaya, 13700 Prai, Penang E.sales@airmas.com F.04 380 6001

Artis3- Dutamas Permai Sdn.Bhd (848533-K)
No. Lesen Pemajuan Perumahan:14300-1/04-2019/01745(L)
No. Permit Iklan dan Jualan:14300-1/04-2019/01745(P)
Sah untuk 1 tahun dari 11/04/2018 hingga 10/04/2019
Pihak yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
No rujukan pelan: MPPP/OSC/PB(7358)14
Bebanan Tanah: OCBC Bank (Malaysia) Berhad.

Hilir37-Enrich Century Sdn Bhd (894564-P)
No. Lesen Pemajuan Perumahan:13447-1/06-2018/01582(L)
No. Permit Iklan dan Jualan:13447-1/06-2018/01582(P)
Sah untuk 1 tahun dari 07/06/2017 hingga 06/06/2018
Pihak yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)
No rujukan pelan: MPPP/OSC/PB(5935)/13(LB)
Bebanan Tanah: AMBANK (Malaysia) Berhad.

Pembeli-pembeli Bumiputera yang berminat sila hubungi:
Bahagian Perumahan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 20, KOMTAR, 10500 Pulau Pinang
Tel: 04-6505242/6505244 Fax: 04-2622904

# Exco raikan 60 pesakit kanser terpilih sempena Aidilfitri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 60 pesakit kanser terpilih dari Hospital Seberang Jaya dan Hospital Bukit Mertajam diraikan oleh Exco Kesihatan, Pertanian & Industri Asas Tani dan Pembangunan Luar Bandar, Dr. Afif Bahardin sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tidak lama lagi.

Dr. Afif ketika ditemui berkata, Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dan sokongan kepada pesakit kanser di negeri ini.

Hal ini kerana, katanya, pesakit kanser memerlukan seseorang untuk memberikan semangat semula, dan interaksi melalui program-program yang diaturkan mampu menjadi wadah penghubung.

"Kanser adalah penyakit kronik, berkomplikasi dan bukanlah sakit biasa yang boleh dirawat seorang diri.

"Mereka (pesakit kanser) memerlukan sokongan daripada semua, sama ada pihak hospital, doktor, jururawat, masyarakat, keluarga dan rakan-rakan di tempat kerja.

"Malah, bagi pihak Kerajaan Negeri sendiri, kita juga ada terlibat melalui Program Pink October iaitu salah satu platform kesedaran terhadap golongan wanita yang menghidapi kanser payu dara," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Kepada Pesakit-pesakit Kanser di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan), Dr. A. Elizabeth dan Pengerusi Badan Sokongan Pesakit Kanser Seberang Perai, Dr. Imran Khalid.

Pada majlis berkaitan, Dr. Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut menyumbang sebanyak RM5,000 bagi meringankan beban pesakit-pesakit tersebut bersempena sambutan berkaitan.

Tambahnya, seramai 11,000 wanita di Pulau Pinang menikmati perkhidmatan pemeriksaan mammogram percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sejak tahun 2013.

"Daripada jumlah tersebut, ada antara mereka yang berjaya mengesan kanser payudara pada peringkat awal," jelas Dr. Afif.



**DR. Afif Bahardin (bersongkok) merakam gambar kenangan bersama-sama kakitangan, barisan penganjur dan penerima-penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Kepada Pesakit-pesakit Kanser di sini baru-baru ini.**

# Terima kasih MBPP - ADUN



**ONG Ah Teong (tengah), Grace Teoh Koon Gee (kanan sekali) dan Rohayu Mohamed Rashid meneliti pelan projek pada lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

**BATU LANCANG –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) membelanjakan lebih RM500,000 bagi menyiapkan kerja-kerja penurapan sepanjang jalan utama di kawasan Batu Lanchang.

Penolong Jurutera Jabatan Kejuruteraan MBPP, Rohayu Mohamed Rashid berkata, antara jalan yang diturap ialah Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim (dari Jalan Masjid Negeri hingga Jalan Sir Ibrahim), *auto pond* Jalan Masjid Negeri (jejambat) dan Jalan Sir Ibrahim (dari persimpangan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim hingga Jalan Van Praagh).

"Kerja-kerja turapan ini sebenarnya sudah siap, kecuali kerja-kerja akhir seperti pengecatan belum selesai... kerja-kerja penurapan semula ini berikutan banyak aduan tentang kemalangan dan permukaan tidak rata di *auto pond*," katanya bersempena lawatan ke tapak projek bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Grace Teoh Koon Gee.

Menurut Ah Teong, beliau sudah mengemukakan permohonan kepada pihak MBPP sebelum dicalonkan untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Lancang sebelum ini.

"Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MBPP yang menyiapkan kerja ini dengan cepat... pada 10 Mei lalu, dan difahamkan kawasan yang diturap ialah merangkumi sepanjang 550 meter," jelasnya.

Turut dimaklumkan, pada awal Jun ini, kerja-kerja penurapan jalan juga dijalankan di Taman Hutchings dan Jalan Perak.



# ADUN puji tindakan pantas JPN selesai aduan runtuhan siling sekolah



JOSEPH Ng Soon Siang menunjukkan dinding sekolah yang rosak dimakan anai-anai pada lawatannya di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang memuji Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang kerana pantas bertindak susulan aduan berhubung kejadian siling runtuh di Sekolah Kebangsaan (SK) Air Itam bertarikh 18 Mei lalu.

Katanya, melalui Guru Besar SK Air Itam, pihaknya difahamkan JPN sudah menghantar kontraktor bagi menilai kos pembaikan diperlukan untuk membaiki siling dan lantai yang rosak akibat dimakan anai-anai.

"Ini merupakan kali pertama kita (Pakatan Harapan) dapat memasuki sekolah, dan pengalaman pertama saya juga selaku ADUN di sini.

"Saya nampak satu perubahan yang positif apabila JPN dapat bertindak pantas seperti ini sejurus Pakatan Harapan mengambil alih Kerajaan Persekutuan baru-baru ini," ujarnya ketika meluangkan masa melawat lokasi runtuhan siling di salah satu bangunan SK Air Itam yang dibina sejak 1881.

Hadir sama, Yang di-Pertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Air Itam, Azhar Hanapi dan Guru Besar, Salizawati Omar.

Menurut Soon Siang, beliau akan mengikuti perkembangan lanjut permasalahan tersebut dan bakal mengadakan perbincangan untuk mengenal pasti bentuk bantuan yang boleh diberikan.

Difahamkan, blok tersebut merupakan penempatan bagi pelajar pendidikan khas yang kini dipindahkan ke blok lain. Sebagai tambahan, pihak JPN juga telah memperuntukkan RM50,000 sebagai dana bagi membaiki kerosakan blok berkaitan.







Penang Future Foundation
STEM
Open to all eligible Malaysian students**
2018 SCHOLARSHIP
for undergraduate studies in Malaysia
You may apply for either:
PENANG SCHOLAR
- Minimum CGPA 3.67
- Household income not more than RM15,000 per month
or
MUTIARA SCHOLAR
- Minimum CGPA 3.00
- Household income not more than RM5,000 per month
Sponsored Courses
MQA fully-accredited courses in Science*, Technology, Engineering, Mathematics (STEM), Accountancy and Finance. (*excludes Medicine)
+
Upon completion of study, the scholars are bound to work in Penang in any organisation of their choice.
Online Application Date
from 1 June 2018 to 21 June 2018
Further Details
www.penangfuturefoundation.my
Contact Us
info@penangfuturefoundation.my
** TERMS AND CONDITIONS APPLY